





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KEDAH

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KEDAH
SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGensi DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA NEGERI Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN)	3
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM Pengurusan Pra Sekolah	14
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI Pengurusan Tanah Rizab Melayu	34
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI MAJLIS PERBANDARAN KULIM Pengurusan Perolehan	40
PENUTUP	55




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kedah.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
25 Januari 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA NEGERI

- Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN)

1.1. Institut Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH) telah memperolehi kelulusan menaik taraf menjadi Kolej Universiti Insaniah berkuatkuasa mulai 15 Mei 2006 di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996. Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah (UPEN) diberi peranan membuat perancangan dan menyelia pembangunan pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Manakala Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah dilantik sebagai Penguasa Projek untuk mentadbir kontrak dan mengawas selia pelaksanaan projek tersebut.

1.2. Pembinaan kampus tetap KUIN telah dilaksanakan secara reka dan bina di bawah pembiayaan skim pembayaran tertanggung selama 15 tahun di kawasan seluas 280 ekar di Kuala Ketil, Baling. Kontrak pembinaan KUIN telah ditawarkan kepada Kedah Sato Sdn. Bhd. (KSSB) secara rundingan terus. Kos pembinaan berjumlah RM327.7 juta telah dibiayai oleh Kedah Sato Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri melalui perjanjian yang ditandatangani bersetuju untuk membuat bayaran balik berjumlah RM44.5 juta setahun mulai 2013 hingga 2024. Pembinaan kampus tetap ini telah dimulakan pada 14 September 2009 dan siap sepenuhnya pada 21 Januari 2013. Tempoh kecacatan adalah selama 2 tahun yang akan berakhir pada 20 Januari 2015.

1.3. Pembinaan kampus tetap KUIN adalah untuk menyediakan ruang kampus yang diperlukan dengan infrastruktur pendidikan yang komprehensif. Selain itu, pembinaannya juga bertujuan memberi kemudahan yang selesa kepada pelajar dan menampung pertambahan pelajar di kampus sedia ada di Mergong dan Stargate, Alor Setar.

1.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati pada keseluruhannya pembinaan kampus tetap KUIN adalah memuaskan kerana prosedur pembinaan dipatuhi, pembinaan dilaksanakan mengikut tempoh masa ditetapkan, *Certificate of Completion (CCC)* telah diperolehi pada 30 Januari 2013 serta keberkesanan pemantauan oleh UPEN dan JKR. Pengauditan juga mengenal pasti beberapa kelemahan di dalam pelaksanaan pembinaan. Kelemahan tersebut secara keseluruhan di ringkas dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Kelewatan menandatangani kontrak
- Hak milik tanah belum dipindah milik kepada kerajaan negeri
- Kualiti dan kekemasan kerja kurang memuaskan

- Bangunan/peralatan belum digunakan

1.5. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan pelaksanaan pembinaan KUIN mendapat *best value for money*, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil langkah seperti berikut:

1.5.1. Kerajaan Negeri perlu mencari alternatif pembiayaan atau sumber hasil baru bagi mengimbangi belanjawan negeri dalam usaha meneruskan pembayaran tertanggung kepada kontraktor. Selain itu, pembayaran tertanggung perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tidak dikenakan penalti.

1.5.2. Kerajaan Negeri perlu memastikan proses pindah milik tapak kampus tetap KUIN dilakukan dengan segera bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

1.5.3. JKR hendaklah memastikan kerosakan dibaiki segera sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat bagi mengelak peningkatan kos pembaikan.

1.5.4. KUIN perlu memastikan kemudahan bangunan yang dibina dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar bagi mengelak pembaziran.

2. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

- Pengurusan Pra Sekolah

2.1. Program pendidikan pra sekolah adalah terdiri daripada Program Pendidikan Pra Sekolah (TASKA) dan Program Pembangunan Keluarga dan Kanak-Kanak (NURY). TASKA adalah disasarkan untuk murid-murid berumur 4 hingga 6 tahun manakala NURY untuk murid-murid 3 hingga 6 tahun. Program Pendidikan Pra Sekolah TASKA di negeri Kedah bermula sejak tahun 1968 di mana Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) mengeluarkan siaran kepada imam-imam masjid meminta ditubuhkan TASKA di pekarangan masjid atau surau. Manakala Program Pembangunan Keluarga dan Kanak-Kanak (NURY) telah diperkenalkan di negeri Kedah pada bulan September 1986.

2.2. Objektif program ini adalah menyediakan pendidikan awal peringkat pra sekolah berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dengan tambahan mata pelajaran iqra dan hafazan. Sebanyak 13 pusat NURY telah ditubuhkan di 9 daerah dan dikendalikan di bawah Unit Pembangunan Insan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (SUK). Bagaimanapun, pengurusan NURY telah diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) pada tahun 2010 mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) yang diadakan pada bulan April 2010. Manakala pengurusan TASKA diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan JHEAIK mulai tahun 2001, melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Am dan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah ke 2 Tahun 2001.

2.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya program pendidikan pra sekolah TASKA dan NURY di daerah yang dilawati adalah memuaskan kerana prestasi pelajar dalam Ujian Pentaksiran Khas adalah membanggakan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan pengurusan pra sekolah seperti yang diringkaskan dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Prasarana dan kemudahan asas tidak lengkap dan mencukupi.
- Kadar dan cara penyediaan makanan tidak ditetapkan.
- Pengurusan kewangan TASKA dan NURY adalah kurang memuaskan.
- Nisbah guru TASKA dan guru NURY adalah tidak seimbang.
- Jawatankuasa TASKA Negeri masih belum ditubuhkan.

2.4. Bagi memastikan pengurusan pra sekolah diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan, JHEAIK adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut dengan segera:

2.4.1. Menilai kembali semua pusat TASKA/NURY yang beroperasi agar penggunaan sumber seperti guru dan prasarana dapat dioptimumkan. Pusat-pusat ini perlu menggunakan pakai peraturan yang sama dan penjenamaan semula perlu dibuat sama ada dikenali sebagai TASKA ataupun NURY bagi memudahkan penyelarasan peraturan, kawalan dan pemantauan oleh JHEAIK.

2.4.2. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menyediakan kemudahan asas yang lebih lengkap dan sempurna.

2.4.3. Memberi latihan kepada Guru TASKA dan NURY berkenaan pengurusan kewangan bagi memperkemaskan lagi kemahiran dan pengetahuan mereka dalam menjalankan urusan pentadbiran di pusat TASKA/NURY masing-masing.

2.4.4. Menetapkan kadar dan cara penyediaan makanan bagi pusat TASKA dan NURY bagi memastikan murid-murid mendapat makanan yang berkhasiat dan seimbang.

2.4.5. Menyedia garis panduan kewangan agar semua pusat TASKA dan NURY dapat menyeragamkan kutipan yuran dan urusan pentadbiran kewangan masing-masing.

3. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI

- Pengurusan Tanah Rizab Melayu

3.1. Tanah Rizab Melayu adalah tanah yang disimpan untuk diberi hak milik kepada orang Melayu atau kepada anak Melayu bagi negeri tempat terletakinya tanah itu seperti mana yang dinyatakan dalam Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan selagi ianya diperuntukkan dalam perundangan. Takrifan Melayu seperti mana dinyatakan dalam

Enakmen Rizab Melayu Negeri Kedah 1931 adalah mana-mana orang yang beragama Islam dan lazimnya bercakap dalam Bahasa Melayu yang sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya berbangsa Melayu atau keturunan Arab.

3.2. Unit M, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah selaku Pentadbir Tanah Negeri adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan permohonan berkaitan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu. Manakala Pentadbir Tanah Daerah bertanggungjawab terhadap Tanah Rizab Melayu di peringkat daerah. Mandat untuk mentadbir tanah di daerahnya adalah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperuntukkan di bawah Seksyen 12, Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut rekod Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Kedah adalah 600,087.39 hektar.

3.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Tanah Rizab Melayu adalah baik kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Dasar Tanah Simpanan Melayu di Negeri Kedah yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Rizab Melayu Negeri Kedah 1931. Bagaimanapun, pengauditan juga mengenal pasti beberapa kelemahan yang memberi kesan kepada pengurusan Tanah Rizab Melayu seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan tidak diganti sepenuhnya.
- Penggantian Tanah Rizab Melayu tidak melebihi 5% daripada keluasan asal tanah.
- Surat hak milik Tanah Rizab Melayu yang diganti tidak diendorskan.

3.4. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan Tanah Rizab Melayu, adalah disyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian selaku Pentadbir Tanah Negeri dan Pejabat Tanah Daerah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

3.4.1. Segera menggantikan Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan dengan kawasan dan keluasan sewajarnya.

3.4.2. Arahan dikeluarkan segera kepada Pentadbir Tanah Daerah supaya membuat endorsan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer bagi mengelakkan pindah milik dibuat kepada pihak lain.

4. MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
- Pengurusan Perolehan

4.1. Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM74.69 juta. Perbelanjaan menggunakan peruntukan wang Majlis adalah berjumlah RM54.09 juta atau 72.4% daripada jumlah yang dibelanjakan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2013 mendapati pengurusan perolehan secara tender dan sebut harga di MPSPK dan MPKK telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan dan pemantauan adalah tidak memuaskan kerana kelemahan yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Perolehan dipecahkecil bagi mengelakkan penawaran secara sebut harga.
- Kerja dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi kerja dan tidak berkualiti.
- Kerja telah siap tetapi tidak digunakan.
- Perolehan kerja tidak dirancang dengan teliti.

4.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) adalah disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

4.3.1. Merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan supaya tindakan memecah kecilkan perolehan tidak berlaku. Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap mana-mana pegawai yang terbukti telah memecah kecilkan perolehan.

4.3.2. Memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja yang dilaksanakan kontraktor bagi memastikan spesifikasi serta penyiapan kerja adalah dipatuhi dan berkualiti agar Kerajaan tidak menanggung kos penyenggaraan yang tidak sepatutnya. Selain itu Majlis hendaklah memastikan kerja membaikpulih kerosakan bagi perolehan kerja atau projek yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dibuat dengan segera.

4.3.3. Memastikan perolehan dirancang dengan teliti supaya aset yang diperolehi dapat digunakan secara optimum dan matlamat perolehan tercapai.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA NEGERI

1. PEMBINAAN KAMPUS TETAP KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Institut Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH) telah memperolehi kelulusan menaik taraf menjadi Kolej Universiti Insaniah berkuatkuasa mulai 15 Mei 2006 di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996. Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah (UPEN) diberi peranan membuat perancangan dan menyelia pembangunan pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Manakala Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah dilantik sebagai Penguasa Projek untuk mentadbir kontrak dan mengawas selia pelaksanaan projek tersebut.

1.1.2. Pembinaan kampus tetap KUIN telah dilaksanakan secara reka dan bina di bawah pembiayaan skim pembayaran tertangguh selama 15 tahun di kawasan seluas 280 ekar di Kuala Ketil, Baling. Kontrak pembinaan KUIN telah ditawarkan kepada Kedah Sato Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Kos pembinaan berjumlah RM327.7 juta telah dibiayai oleh Kedah Sato Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri melalui perjanjian yang ditandatangani bersetuju untuk membuat bayaran balik berjumlah RM44.5 juta setahun mulai 2013 hingga 2024. Pembinaan kampus tetap ini telah dimulakan pada 14 September 2009 dan siap sepenuhnya pada 21 Januari 2013. Tempoh kecacatan adalah selama 2 tahun yang akan berakhir pada 20 Januari 2015.

1.1.3. Pembinaan kampus tetap KUIN adalah untuk menyediakan ruang kampus yang diperlukan dengan infrastruktur pendidikan yang komprehensif. Selain itu, pembinaannya juga bertujuan memberi kemudahan yang selesa kepada pelajar dan menampung pertambahan pelajar di kampus sedia ada di Mergong dan Stargate, Alor Setar. Pembinaan ini melibatkan 3 zon utama pembinaan seperti di **Jadual 1.1** dan **Gambarajah 1.1**.

Jadual 1.1

Zon Utama Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah

Zon	Jenis Bangunan
1	Dewan Utama, Bangunan Penyelenggaraan dan Astaka
2	Canselori, Bangunan Usuluddin/Bahasa Arab, Bangunan Tahfiz Al-Quran/Syariah, Perpustakaan dan Pusat Komuniti
3	Bangunan Kejuruteraan/Teknologi Maklumat dan Bangunan Muamalat/Multimedia

Sumber: Rekod JKR

Gambarajah 1.1
Pelan Susun Atur Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah KUIN



Sumber: Rekod Kedah Sato Sdn. Bhd.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan adalah untuk menilai sama ada pembinaan telah dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan teratur serta berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pelaksanaan aktiviti pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Insaniah serta pemantauan susulan selepas bangunan siap dan diserahkan kepada UPEN. Pengauditan dijalankan di UPEN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah. Selain itu, pengesahan dokumen dibuat di Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan KUIN, Kedah Sato Sdn. Bhd., Darulaman Realty Sdn. Bhd., Majlis Daerah Baling dan Pejabat Tanah dan Daerah Baling. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan tapak juga dijalankan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati pada keseluruhannya pembinaan kampus tetap KUIN adalah memuaskan kerana prosedur pembinaan dipatuhi, pembinaan dilaksanakan mengikut tempoh masa ditetapkan, *Certificate of Completion (CCC)* telah diperolehi pada 30 Januari 2013 serta keberkesanan pemantauan oleh UPEN dan JKR. Pengauditan juga mengenal pasti beberapa kelemahan di dalam pelaksanaan pembinaan. Kelemahan tersebut secara keseluruhan di ringkas dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Kelewatan menandatangani kontrak
- Hak milik tanah belum dipindah milik kepada kerajaan negeri
- Kualiti dan kekemasan kerja kurang memuaskan
- Bangunan/peralatan belum digunakan

1.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

1.4.1.1. Pencapaian Fizikal

- Pembinaan kampus tetap KUIN yang bernilai RM327.7 juta telah dilaksanakan secara reka dan bina di atas kawasan seluas 280 ekar oleh kontraktor yang dilantik secara rundingan terus. Mengikut syarat kontrak, pembinaan dimulakan pada 14 September 2009 dan sepatutnya disiapkan pada 28 Februari 2013. Semakan Audit mendapati pembinaannya siap pada 21 Januari 2013 iaitu 38 hari lebih awal daripada tarikh rancangan siap. Tempoh kecacatan adalah selama 2 tahun yang akan berakhir pada 20 Januari 2015.
- Semakan Audit terhadap Laporan Kecacatan Bulanan sehingga 1 Disember 2013 mendapati prestasi pembaikan kecacatan adalah memuaskan di mana 92% atau 417 daripada 456 aduan yang dilaporkan telah dibaiki manakala bakinya masih belum diambil tindakan. Selepas teguran Audit, pihak Kontraktor telah melaksanakan pembaikan terhadap beberapa kerosakan dan kecacatan seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.10**.

Gambar 1.1
Renggangannya Antara Dinding
Struktur Utama Dengan Kerangka Kaca



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Seminar, Tingkat 1, Dewan Utama
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.2
Renggangannya Antara Dinding
Struktur Utama
Dengan Kerangka Kaca Dibaiki



Sumber: Kedah Sato Sdn. Bhd.
Lokasi: Bilik Seminar, Tingkat 1, Dewan Utama
Tarikh: 9 Januari 2014

Gambar 1.3
Notis Larangan Tidak Dilekatkan
Pada Pintu Masuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Suis/Sub MSB/Bilik Genset, Bangunan
Kejuruteraan/Teknologi Maklumat
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 1.4
Notis Larangan Dilekatkan
Pada Pintu Masuk



Sumber: Kedah Sato Sdn. Bhd.
Lokasi: Bilik Suis/Sub MSB/Bilik Genset, Bangunan
Kejuruteraan/Teknologi Maklumat
Tarikh: 11 Januari 2014

Gambar 1.5
Lukisan Litar Skematik Tidak Dilekatkan
Di Bahagian Dinding Bilik Suis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik MSB / SSB, Canselor
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 1.6
Lukisan Litar Skematik Dilekatkan
Di Bahagian Dinding Bilik Suis




Sumber: Kedah Sato Sdn. Bhd.
Lokasi: Bilik MSB / SSB, Canselor
Tarikh: 11 Januari 2014

Gambar 1.7
Penutup Alat Pengesan Kebakaran
Masih Belum Ditanggalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makmal Air dan Sisa Air, Bangunan
Kejuruteraan/Teknologi Maklumat
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 1.8
Penutup Alat Pengesan Kebakaran
Ditanggalkan



Sumber: Kedah Sato Sdn. Bhd.
Lokasi: Makmal Air dan Sisa Air, Bangunan
Kejuruteraan/Teknologi Maklumat
Tarikh: 9 Januari 2014

Gambar 1.9
Notis DILARANG MEROKOK Tidak
Dilekatkan Pada Pintu Bilik Suis



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bangunan Kejuruteraan/Teknologi
 Maklumat
 Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 1.10
Notis DILARANG MEROKOK
Dilekatkan Pada Pintu Bilik Suis



Sumber: Kedah Sato Sdn. Bhd.
 Lokasi: Bangunan Kejuruteraan/Teknologi
 Maklumat
 Tarikh: 11 Januari 2014

1.4.1.2. Pencapaian Kewangan

- a. Rundingan di antara JKR dan Kedah Sato Sdn. Bhd. melalui Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga Peringkat Jabatan pada 14 Disember 2010 bersetuju dengan harga kontrak berjumlah RM375 juta. Walau bagaimanapun, memandangkan siling kos pembinaan adalah berjumlah RM330 juta, beberapa skop kerja dikeluarkan daripada kontrak asal menjadikan kos pembinaan berjumlah RM327.7 juta. Butiran pengurangan skop kerja daripada kontrak asal adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Pengurangan Skop Kerja Di Dalam Kontrak Asal

Bil.	Butiran	Pengurangan (RM Juta)
1.	Asrama Jenis A & B	16.44
2.	<i>General Study & Lecture Complex</i>	4.29
3.	Kediaman Rektor dan Kediaman Tetamu	0.65
4.	Kerja-kerja Cerucuk	2.62
5.	Mekanikal	6.61
6.	Elektrikal	4.37
7.	Yuran Perunding	3.10
8.	<i>Contractual and General Requirements</i>	2.25
Jumlah		40.33

Sumber: JKR Negeri Kedah

- b. Pembiayaan pembinaan ini menggunakan kaedah pembayaran tertangguh di mana Kerajaan Negeri perlu menjelaskan bayaran sejumlah RM44.5 juta setahun dalam tempoh 12 tahun (tidak termasuk *grace period* selama 3 tahun). Bayaran ini perlu dijelaskan mulai bulan Mac 2013. Berdasarkan rekod bayaran sehingga bulan Disember 2013, Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran berjumlah RM44.5 juta kepada Kedah Sato Sdn. Bhd..

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan keseluruhannya adalah memuaskan kerana dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan prestasi pembaikan kecacatan yang melebihi 90% siap.

1.4.2. Pengurusan Pembinaan

1.4.2.1. Kelewatan Menandatangani Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 18 Julai 2011. Bagaimanapun dokumen kontrak ditandatangani pada 2 Ogos 2012 iaitu lewat 8 bulan selepas tamat tempoh Surat Setuju Terima. **Berdasarkan maklum balas JKR pada 12 Januari 2014, punca kelewatan adalah disebabkan kelewatan pihak kontraktor memenuhi semua keperluan dan ulasan yang diperlukan oleh JKR, memuktamadkan perincian kehendak pengguna dan perjanjian *deferred payment*.**

1.4.2.2. Hak Milik Tanah Belum Dipindah Milik Kepada Kerajaan Negeri

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Bil. 15/2010 bersetuju bahawa tanah seluas 320 ekar yang dibeli oleh Kerajaan Negeri dengan harga nilai berjumlah RM15 juta perlu didaftarkan di atas nama *State Secretary Incorporated* (SSI). Manakala Seksyen 14.2 Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani di antara Darulaman Realty Sdn. Bhd. dengan Kerajaan Negeri pada 22 Julai 2010 menetapkan bayaran cukai tanah, kadar taksiran, cukai dan lain-lain perbelanjaan hendaklah ditanggung oleh pembeli iaitu Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah selesai menjelaskan kos pembelian tanah berjumlah RM15 juta kepada Darulaman Realty Sdn. Bhd. dalam tempoh 2 tahun selepas perjanjian ditandatangani. Bagaimanapun, pindah milik tanah kepada Kerajaan Negeri masih belum dibuat. Kesannya, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak selaku tuan tanah. **Berdasarkan maklum balas UPEN pada 12 Januari 2014, proses pindah milik akan dilakukan sebelum penghujung tahun 2014.**

1.4.2.3. Bayaran Balik Pinjaman

Pada tahun 2009, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah bersetuju menerima cadangan melaksanakan pembinaan kampus tetap KUIN berkonsepkan reka dan bina dengan kaedah bayaran tertangguh. Mengikut Perjanjian Pembayaran Tertangguh yang telah ditandatangani pada 5 Januari 2012, Kerajaan Negeri bersetuju menjelaskan bayaran berjumlah RM44.5 juta setahun selama 12 tahun kepada kontraktor Kedah Sato Sdn. Bhd.. Sehingga bulan Disember 2013, Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran dalam tempoh ditetapkan. Mengikut syarat perjanjian pinjaman, sekiranya gagal melaksanakan bayaran balik dalam masa yang ditetapkan, Kerajaan Negeri akan menanggung kos tambahan iaitu penalti sebanyak 8% setahun atas dasar kiraan harian ke atas baki jumlah yang tertunggak. **Berdasarkan maklum balas UPEN pada 12 Januari 2014, proses rundingan dan perbincangan dengan pihak pentadbiran negeri sedang dijalankan bagi mencapai keputusan terbaik.**

Pada pendapat Audit, rundingan perlu dibuat dengan segera bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin dan pembayaran tertangguh perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan bayaran penalti.

1.4.3. Kualiti Dan Kekemasan Kerja Kurang Memuaskan

Kerja-kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan sempurna, kemas pada tahap piawaian yang tertentu dan kerosakan segera dibaiki. Lawatan Audit pada bulan September dan Disember 2013 mendapati masih terdapat beberapa kerosakan dan kecacatan kerja seperti di **Jadual 1.3** dan **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.14**. **Berdasarkan maklum balas JKR pada 12 Januari 2014, kerja-kerja pembaikan akan dilakukan oleh pihak kontraktor.**

Jadual 1.3

Kualiti Dan Kekemasan Kerja Yang Kurang Memuaskan

Bil.	Lokasi	Jenis Kerosakan	Keadaan Fizikal Semasa Lawatan Audit
1.	Kawasan Bumbung, Bangunan Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat	Lepaan simen permukaan lantai bangunan mengalami keretakan seperti di Gambar 1.11 .	Terdapat keretakan pada permukaan lantai di kebanyakan bumbung bangunan
2.	Bilik Pensyarah, Bangunan Hospitaliti	Pemasangan pintu yang kurang berkualiti dan mudah pecah seperti di Gambar 1.12 .	Terdapat retakan dan rekahan pada bahagian pintu bilik
3.	Aras 1, Bangunan Muamalat / Multimedia dan Kreativiti	Kerosakan siling akibat resapan air dari bumbung bocor seperti di Gambar 1.13 .	Terdapat kesan resapan air di siling dan siling yang pecah
4.	Pusat Komuniti	Kebocoran siling akibat resapan air seperti di Gambar 1.14 .	Terdapat cebisan dan sisa pada siling yang pecah

Sumber: Pemeriksaan Fizikal

Gambar 1.11
Keretakan Pada Lepaan Simen Di
Permukaan Bumbung Bangunan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Bumbung, Bangunan
Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 1.12
Retakan Dan Rekahan Pada Pintu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Pensyarah, Bangunan Hospitaliti
Tarikh: 13 November 2013

Gambar 1.13
Kerosakan Siling Akibat Resapan Air Dari Bumbung Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, Bangunan Muamalat/Multimedia Kreativiti
Tarikh: 13 November 2013

Gambar 1.14
Kerosakan Siling Akibat Resapan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Komuniti
Tarikh: 13 November 2013

Pada pendapat Audit, pihak Kontraktor telah melaksanakan pembaikan kerosakan dan kecacatan dengan baik. Walau bagaimanapun, JKR perlu terus memastikan kerosakan yang belum dibaiki dalam tempoh kecacatan segera diambil tindakan oleh Kontraktor.

1.4.4. Bangunan/Peralatan Belum Digunakan

Perolehan sesuatu peralatan hendaklah dirancang dan ditentukan dengan jelas dari segi fungsi, tujuan dan kegunaannya. Mengikut syarat kontrak, pembinaan kampus tetap KUIN melibatkan 3 zon utama terdiri daripada 10 bangunan seperti Dewan Utama, Bangunan Penyelenggaraan, Astaka, Canselori, Bangunan Usuluddin/Bahasa Arab, Bangunan Tahfiz Al-Quran/Syariah, Perpustakaan, Pusat Komuniti, Bangunan Kejuruteraan/Teknologi Maklumat dan Bangunan Muamalat/Multimedia. Lawatan Audit pada 11 Disember 2013 mendapati masih terdapat 3 bangunan belum digunakan iaitu Bangunan Muamalat/Multimedia Kreativiti, Tahfiz Al-Quran/Syariah dan Usuluddin/Bahasa Arab seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.17**. Pihak Audit difahamkan bangunan tersebut masih kosong kerana pelajar bagi kursus tersebut diarah berpindah kembali ke kampus Alor Setar berikutan asrama pasang siap tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Selain itu, terdapat perabot dan peralatan pelajar di bangunan tersebut tidak digunakan sejak diterima pada bulan Januari 2013 seperti di **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**.

Gambar 1.15
Bangunan Kuliah Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Muamalat/Multimedia
Kreativiti
Tarikh: 11 Disember 2013

Gambar 1.16
Bangunan Kuliah Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Tahfiz Al-Quran/Syariah
Tarikh: 11 Disember 2013

Gambar 1.17
Bangunan Kuliah Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Usuluddin/Bahasa Arab
Tarikh: 11 Disember 2013

Gambar 1.18
Keadaan Kerusi Bilik Kuliah
Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Legar, Bangunan Kuliyah Tahfiz
Al-Quran Dan Syariah
Tarikh: 13 November 2013



Gambar 1.19
Meja Pensyarah Telah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Pensyarah, Bangunan Tahfiz Al-Quran
dan Syariah
Tarikh: 13 November 2013

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri melalui UPEN hendaklah mengemukakan arahan kepada KUIN bagi memastikan kemudahan yang telah disediakan digunakan sepenuhnya dengan segera. Selain itu, pihak KUIN juga perlu memastikan rekod berkaitan peralatan diselenggarakan dengan baik.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan pelaksanaan pembinaan KUIN mendapat *best value for money*, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil langkah seperti berikut:

1.5.1. Kerajaan Negeri perlu mencari alternatif pembiayaan atau sumber hasil baru bagi mengimbangi belanjawan negeri dalam usaha meneruskan pembayaran tertangguh kepada kontraktor. Selain itu, pembayaran tertangguh perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tidak dikenakan penalti.

1.5.2. Kerajaan Negeri perlu memastikan proses pindah milik tapak kampus tetap KUIN dilakukan dengan segera bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

1.5.3. JKR hendaklah memastikan kerosakan dibaiki segera sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat bagi mengelak peningkatan kos pembaikan.

1.5.4. KUIN perlu memastikan kemudahan bangunan yang dibina dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar bagi mengelak pembaziran.

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

2. PENGURUSAN PRA SEKOLAH

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program pendidikan pra sekolah adalah terdiri daripada Program Pendidikan Pra Sekolah (TASKA) dan Program Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak (NURY). TASKA adalah disasarkan untuk murid-murid berumur 4 hingga 6 tahun manakala NURY untuk murid-murid 3 hingga 6 tahun. Program Pendidikan Pra Sekolah TASKA di negeri Kedah bermula sejak tahun 1968 di mana Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) mengeluarkan siaran kepada imam-imam masjid meminta ditubuhkan TASKA di pekarangan masjid atau surau. Manakala Program Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak (NURY) telah diperkenalkan di negeri Kedah pada bulan September 1986.

2.1.2. Objektif program ini adalah menyediakan pendidikan awal peringkat pra sekolah berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dengan tambahan mata pelajaran iqra dan hafazan. Sebanyak 13 pusat NURY telah ditubuhkan di 9 daerah dan dikendalikan di bawah Unit Pembangunan Insan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (SUK). Bagaimanapun, pengurusan NURY telah diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) pada tahun 2010 mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang diadakan pada bulan April 2010. Manakala pengurusan TASKA diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan JHEAIK mulai tahun 2001, melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Am dan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah ke 2 Tahun 2001.

2.1.3. Pada tahun 2013, terdapat sebanyak 40 pusat TASKA dengan 1,632 orang murid manakala NURY mempunyai 13 pusat dengan bilangan murid seramai 307 orang. Butiran terperinci mengenai bilangan pusat, guru, pembantu guru dan murid bagi TASKA dan NURY mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

Bilangan Pusat, Guru, Pembantu Guru Dan Murid Bagi TASKA Dan NURY Mengikut Daerah Pada Tahun 2013

Bil.	Daerah	Bilangan Pusat	Guru	Pembantu Guru	Jumlah	Murid
TASKA						
1.	Kota Setar	8	24	10	34	441
2.	Kubang Pasu	11	16	14	30	404
3.	Kuala Muda	9	14	6	20	237
4.	Langkawi	3	6	5	11	177
5.	Padang Terap	2	3	3	6	91
6.	Baling	4	7	7	14	161
7.	Sik	1	2	2	4	59
8.	Kulim	2	3	2	5	62
Jumlah		40	75	49	124	1,632
NURY						
1.	Kota Setar	2	6	-	6	26
2.	Kubang Pasu	3	10	3	13	80
3.	Langkawi	1	4	2	6	46
4.	Padang Terap	1	4	-	4	16
5.	Sik	1	3	1	4	17
6.	Kulim	1	6	-	6	59
7.	Yan	1	6	-	6	13
8.	Pendang	1	6	1	7	23
9.	Bandar Baharu	2	5	-	5	27
Jumlah		13	50	7	57	307
JUMLAH BESAR		53	125	56	181	1,939

Sumber: Unit Pra Sekolah, Bahagian Pendidikan, JHEAIK

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pra sekolah iaitu TASKA dan NURY telah dikendalikan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pra sekolah iaitu TASKA dan NURY bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 di JHEAIK, Pejabat Agama Daerah Kota Setar, Kubang Pasu dan Langkawi serta di 11 pusat TASKA dan 5 pusat NURY ketiga-tiga daerah tersebut. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat seperti fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan dengan TASKA dan NURY. Selain itu, lawatan ke pusat TASKA dan NURY yang dipilih serta temu bual dengan pegawai, penyelia, guru, ibu bapa serta murid turut dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya program pendidikan pra sekolah TASKA dan NURY di daerah yang dilawati adalah memuaskan kerana prestasi murid dalam Ujian Pentaksiran Khas adalah

membanggakan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan pengurusan pra sekolah seperti yang diringkaskan dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Prasarana dan kemudahan asas tidak lengkap dan mencukupi.
- Kadar dan cara penyediaan makanan tidak ditetapkan.
- Pengurusan kewangan TASKA dan NURY adalah kurang memuaskan.
- Nisbah guru TASKA dan guru NURY adalah tidak seimbang.
- Jawatankuasa TASKA Negeri masih belum ditubuhkan.

2.4.1. Prestasi Murid

2.4.1.1. Kurikulum TASKA dan NURY

- a. Semua pusat TASKA dan NURY menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum TASKA dan NURY meliputi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Pendidikan Islam, Sains, Matematik, Kreativiti dan Estetika serta Jawi. Selain itu, mata pelajaran tambahan iaitu Iqra' dan Hafazan juga diajar mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh Unit Pra Sekolah JHEAIK. Bagi bidang kokurikulum kanak-kanak didedahkan dengan acara-acara seperti hafazan doa, hafazan surah, mengenal huruf jawi, azan, nasyid dan kuiz. Acara kokurikulum ini dipertandingkan bermula di peringkat pusat, daerah, zon dan negeri. Masa pengajaran dan pembelajaran TASKA telah ditetapkan tidak kurang dari 4 jam sehari serta waktu persekolahan 5 hari seminggu.
- b. Semakan Audit mendapati Unit Pra Sekolah JHEAIK telah menyediakan buku teks dan latihan mengikut kurikulum KSPK dan diguna pakai oleh semua pusat TASKA dan NURY. Semakan Audit seterusnya mendapati buku teks dan latihan tersebut hanya disediakan bagi murid 5 dan 6 tahun sahaja. Manakala bagi murid 4 tahun, bahan mengajar disediakan oleh guru kelas bergantung kepada kreativiti dan keperluan pengajaran murid tersebut. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, kemasukan murid 4 tahun di pusat TASKA dan NURY adalah sebagai satu proses pengenalan pembelajaran seperti mengenali kawan-kawan, belajar secara santai dan juga mengenali alam persekolahan secara menyeluruh. Bagaimanapun, pada tahun 2014 penyediaan buku latihan sebagai bahan mengajar telah dibuat.**

2.4.1.2. Pengambilan Dan Penempatan Murid TASKA Dan NURY

- a. Pelaksanaan TASKA adalah disasarkan kepada murid berumur 4 hingga 6 tahun manakala 3 hingga 6 tahun bagi NURY. Semakan Audit mendapati jumlah murid yang mendaftar di pusat TASKA bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah masing-masing

seramai 1,452 orang, 1,551 orang dan 1,632 orang. Manakala bagi NURY, jumlah murid yang mendaftar bagi tahun 2012 dan 2013 adalah masing-masing seramai 310 orang dan 307 orang. Perbandingan jumlah murid yang mendaftar di pusat TASKA dan NURY bagi tahun 2011 hingga 2013 seperti **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

**Bilangan Murid Yang Mendaftar Di Pusat TASKA Dan NURY
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil. Tahun 2011 Hingga 2016					
Bil.	Daerah	Bilangan Murid Yang Mendaftar			
		2011	2012	2013	Pertambahan/ (Pengurangan)
TASKA					
1.	Kota Setar	350	410	441	91
2.	Kubang Pasu	388	404	404	16
3.	Kuala Muda	215	215	237	22
4.	Langkawi	136	159	177	41
5.	Padang Terap	102	98	91	(11)
6.	Baling	158	160	161	3
7.	Sik	61	60	59	(2)
8.	Kulim	42	45	62	20
Jumlah		1,452	1,551	1,632	180
NURY					
1.	Kota Setar	TM	25	26	1
2.	Kubang Pasu	TM	64	80	16
3.	Langkawi	TM	68	46	(22)
4.	Padang Terap	TM	13	16	3
5.	Sik	TM	19	17	(2)
6.	Kulim	TM	65	59	(6)
7.	Yan	TM	15	13	(2)
8.	Pendang	TM	16	23	7
9.	Bandar Baharu	TM	25	27	2
Jumlah		TM	310	307	(3)
JUMLAH BESAR		1,452	1,861	1,939	177

Sumber: Unit Pra Sekolah, Bahagian Pendidikan, JHEAIK

Nota: TM = Tiada maklumat

- b. Daripada jumlah tersebut didapati bilangan murid di pusat TASKA bagi tahun 2011 hingga 2013 telah meningkat sebanyak 180 orang kepada 1,632 orang murid. Peningkatan tertinggi adalah di daerah Kota Setar iaitu sebanyak 91 orang murid. Terdapat juga penurunan bilangan murid di daerah Padang Terap dan Sik iaitu masing-masing 11 dan 2 orang murid. Manakala bagi NURY, bilangan murid bagi tahun 2012 hingga bulan 2013 telah berkurangan 3 orang kepada 307 orang murid. Pengurangan tertinggi adalah di daerah Langkawi iaitu sebanyak 22 orang murid. Walau bagaimanapun terdapat juga peningkatan bilangan murid di 5 daerah lain iaitu antara 1 hingga 16 orang murid. Secara keseluruhannya bilangan murid di pusat TASKA dan NURY dari tahun 2012 hingga 2013 telah meningkat sebanyak 9.1% iaitu 177 orang kepada 1,939 orang murid. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, penambahan dan pengurangan murid adalah berdasarkan populasi sesebuah tempat namun pelbagai program telah diatur bagi menarik minat waris untuk memilih pusat TASKA dan NURY sebagai pilihan utama.**

2.4.1.3. Pencapaian Prestasi Ujian Pentaksiran Khas Pusat TASKA Dan NURY

- a. Ujian Pentaksiran Khas adalah bertujuan menilai tahap pencapaian dan pemahaman seseorang murid selepas tamat sesuatu sesi pembelajaran. Ujian Pentaksiran Khas TASKA dan NURY diadakan hanya bagi murid 6 tahun yang mengikuti pembelajaran di pusat TASKA/NURY. Bagi tahun 2013, Ujian Pentaksiran Khas telah diadakan serentak di Negeri Kedah pada 7 hingga 10 Oktober 2013 meliputi 8 mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Pendidikan Islam, Jawi dan Kreativiti & Estetika. Lawatan Audit ke 11 pusat TASKA dan 5 pusat NURY di Daerah Kota Setar, Kubang Pasu dan Langkawi mendapati Ujian Pentaksiran Khas TASKA dan NURY telah dilaksanakan di setiap pusat yang dilawati kecuali bagi NURY Kampung PIDA 5 kerana tiada murid 6 tahun. Bilangan calon yang mengambil ujian pentaksiran bagi pusat TASKA/NURY yang dilawati adalah seramai 278 orang murid bagi ketiga-tiga daerah. Bilangan calon yang mendapat 8A di dalam ujian pentaksiran adalah di antara 8% hingga 27% iaitu seramai 48 murid. Manakala calon yang mendapat 7A adalah di antara 11% hingga 17% iaitu seramai 38 murid. Bilangan calon yang tidak mendapat gred A adalah di antara 6% hingga 21% iaitu seramai 39 murid. Statistik bilangan murid mengikut daerah dan mendapat gred A adalah seperti **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3

Kedudukan Pencapaian Gred A Ujian Pentaksiran Khas TASKA Dan NURY

Pencapaian Gred A	Daerah					
	Kota Setar		Kubang Pasu		Langkawi	
	Bilangan Murid	(%)	Bilangan Murid	(%)	Bilangan Murid	(%)
8A	11	8	23	27	14	21
7A	14	11	13	15	11	17
6A	15	12	14	17	3	5
5A	14	11	8	10	5	8
4A	10	8	5	6	10	15
3A	9	7	4	5	5	7
2A	15	12	7	8	5	7
1A	13	10	5	6	6	9
Tiada A	27	21	5	6	7	11
Jumlah	128	100	84	100	66	100

Sumber: Unit Pra Sekolah, Bahagian Pendidikan, JHEAIK

- b. Prestasi ujian pentaksiran mengikut mata pelajaran bagi daerah Kota Setar menunjukkan di antara 53% hingga 60% murid memperoleh gred A dalam mata pelajaran Matematik, Sains, Jawi dan Kreativiti & Estetika. Berbanding di daerah Kubang Pasu, prestasi murid adalah lebih baik di mana antara 54% hingga 85% murid mendapat gred A bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Jawi dan Kreativiti & Estetika. Manakala bagi daerah Langkawi, murid yang mendapat gred A adalah di antara 56% hingga 80% dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Jawi. Pendidikan Islam pula menunjukkan pencapaian yang baik di mana 26% hingga 41% murid memperoleh gred A manakala 36% hingga 50% murid

memperolehi gred B dan 8% hingga 24% memperoleh gred C di ketiga-tiga daerah. Manakala bilangan murid yang gagal adalah di antara 3% hingga 8% dan 1% hingga 6% murid tidak hadir. Keputusan pencapaian Ujian Pentaksiran Khas TASKA dan NURY mengikut mata pelajaran adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4

Keputusan Ujian Pentaksiran Khas TASKA Dan NURY Mengikut Gred

Bil.	Mata Pelajaran	Daerah														
		Kota Setar					Kubang Pasu					Langkawi				
		Pencapaian (%)					Pencapaian (%)					Pencapaian (%)				
		A	B	C	G	TH	A	B	C	G	TH	A	B	C	G	TH
1.	Bahasa Malaysia	44	23	20	9	4	66	26	7	-	1	56	26	14	3	1
2.	Matematik	53	27	10	6	4	75	18	6	-	1	70	24	5	1	-
3.	Sains	60	30	5	-	5	76	23	-	-	1	80	18	2	-	-
4.	Bahasa Inggeris	29	44	16	5	6	68	30	1	-	1	58	39	2	-	1
5.	Bahasa Arab	34	46	12	2	6	85	13	1	-	1	61	32	7	-	-
6.	Pendidikan Islam	26	36	24	8	6	41	50	8	-	1	35	39	23	3	-
7.	Jawi	57	28	8	2	5	73	23	3	-	1	59	32	9	-	-
8.	Kreativiti & Estetika	53	29	5	7	6	54	44	1	-	1	41	55	3	-	1

Sumber: Unit Pra Sekolah, Bahagian Pendidikan, JHEAIK

Nota: TH – Tidak Hadir

G – Gagal

2.4.1.4. NURY Menjalankan Aktiviti Asuhan Selain Daripada Pra Sekolah

Waktu beroperasi pusat NURY adalah di antara 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Selain daripada kelas pra sekolah, 2 pusat NURY mempunyai aktiviti asuhan yang dijalankan selepas waktu rasmi persekolahan iaitu daripada 12.00 tengahari hingga 5.30 petang. Kadar yuran asuhan adalah ditentukan oleh Ketua Guru sesuatu pusat NURY berkenaan dengan kebenaran Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JHEAIK. Semua kutipan yuran asuhan ini akan dibahagikan antara guru dan pembantu guru yang menjalankan tugas asuhan ini. Lawatan Audit ke 2 pusat NURY iaitu di Lorong Bayu, Alor Setar dan Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu mendapati terdapat aktiviti asuhan masing-masing dengan 19 orang murid dan 20 orang murid. Bagi aktiviti asuhan ini, JHEAIK perlu memastikan pusat NURY mempunyai kemudahan yang mencukupi seperti ruang belajar bagi memisahkan murid pra sekolah dan kanak-kanak asuhan, ruang makan dan alat bantuan mengajar yang sesuai untuk kanak-kanak asuhan agar perkhidmatan yang disediakan berada di tahap yang memuaskan. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, kebenaran asuhan akan dikeluarkan kepada pusat NURY yang memohon untuk mengadakan program asuhan dan pihak JHEAIK akan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi agar program asuhan berjalan dengan teratur.**

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi Ujian Pentaksiran Khas TASKA dan NURY adalah baik.

2.4.2. Prestasi Guru TASKA dan NURY

2.4.2.1. Pelantikan Guru TASKA dan NURY

- a. Pada bulan Januari 2008 Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan pelarasan gaji daripada elaun kepada skim gaji yang menyamai skim-skim tetap Kerajaan. Guru TASKA yang sedang berkhidmat dan berkelayakan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan akan diserap ke skim gaji guru TASKA Gred S17. Syarat-syarat kelayakan bagi jawatan Guru TASKA JHEAIK seperti yang diluluskan adalah warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh lantikan, sihat tubuh badan dan disahkan oleh pegawai perubatan dan mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya dengan kepujian Bahasa Melayu dan lulus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam atau Bahasa Arab atau 10 tahun pengalaman sebagai pembantu TASKA atau mempunyai Sijil Tinggi Agama atau yang setaraf dengannya. Manakala bagi pusat NURY lantikan guru adalah secara sementara dan dibayar elaun.
- b. Semakan Audit terhadap 42 fail peribadi guru TASKA mendapati pelantikan guru TASKA adalah mematuhi syarat yang ditetapkan. Manakala semakan Audit terhadap 21 fail peribadi guru NURY mendapati pelantikan guru NURY adalah lantikan sedia ada daripada Pejabat Daerah dan tiada lantikan baru daripada JHEAIK. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, pelantikan guru NURY adalah berdasarkan lantikan sedia ada dan selaras dengan elaun yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, JHEAIK sedang merangka penambahbaikan pelantikan guru NURY untuk diselaraskan dengan guru TASKA.**

2.4.2.2. Nisbah Guru TASKA dan Guru NURY Adalah Tidak Seimbang

- a. JHEAIK menetapkan bahawa guru boleh dilantik apabila terdapat 25 orang murid bagi setiap kelas. Manakala bagi NURY, Pekeliling Perkhidmatan NURY Bilangan 1/2011 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan JHEAIK menetapkan bahawa had bilangan murid di satu kelas sesebuah pusat NURY dalam sesuatu tahun pengajian adalah tertakluk kepada kemampuan prasarana pusat NURY berkenaan dengan diberi keutamaan kepada kebajikan serta keselesaan murid serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Semakan Audit mendapati jumlah guru TASKA yang dilantik pada tahun 2013 adalah seramai 75 orang berbanding jumlah murid iaitu seramai 1,632 orang. Manakala bagi NURY, jumlah guru yang dilantik pada tahun 2013 adalah seramai 50 orang berbanding jumlah murid iaitu seramai 307 orang. Nisbah guru TASKA dan NURY berbanding murid mengikut daerah di Negeri Kedah adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5**Nisbah Guru Dan Murid TASKA Dan NURY Mengikut Daerah Pada Tahun 2013**

Bil.	Daerah	Bilangan		Nisbah
		Guru	Murid	
TASKA				
1.	Kota Setar	24	441	1:18
2.	Kubang Pasu	16	404	1:25
3.	Kuala Muda	14	237	1:17
4.	Langkawi	6	177	1:30
5.	Padang Terap	3	91	1:30
6.	Baling	7	161	1:23
7.	Sik	2	59	1:30
8.	Kulim	3	62	1:21
Jumlah		75	1,632	1:22
NURY				
1.	Kota Setar	6	26	1:4
2.	Kubang Pasu	10	80	1:8
3.	Langkawi	4	46	1:12
4.	Padang Terap	4	16	1:4
5.	Sik	3	17	1:6
6.	Kulim	6	59	1:10
7.	Yan	6	13	1:2
8.	Pendang	6	23	1:4
9.	Bandar Baharu	5	27	1:5
Jumlah		50	307	1:6
JUMLAH BESAR		125	1,939	1:16

Sumber: Unit Pra Sekolah, Bahagian Pendidikan, JHEAIK

- b. Daripada jadual di atas, nisbah guru berbanding murid TASKA dan NURY adalah tidak seragam antara daerah. Nisbah murid TASKA paling ramai ialah di daerah Langkawi, Padang Terap dan Sik iaitu seramai 30 orang murid bagi seorang guru. Manakala nisbah murid TASKA paling sedikit ialah di daerah Kuala Muda adalah seramai 17 orang murid bagi seorang guru. Bagi nisbah murid NURY berbanding seorang guru yang paling ramai ialah di daerah Langkawi iaitu seramai 12 orang murid bagi seorang guru manakala nisbah murid NURY paling sedikit ialah di daerah Yan iaitu hanya 2 orang murid bagi seorang guru. Pihak Audit difahamkan antara sebab bilangan murid yang sedikit adalah disebabkan saingan dengan tadika lain di persekitaran yang sama, kedudukan pusat NURY di kawasan yang tidak ramai penduduk dan keadaan pusat NURY yang tidak kondusif. Secara menyeluruh, terdapat perbezaan yang ketara antara nisbah keseluruhan murid TASKA dan nisbah keseluruhan murid NURY di mana nisbah keseluruhan murid TASKA ialah 22 orang murid berbanding nisbah keseluruhan murid NURY iaitu hanya 6 orang murid sahaja berbanding seorang guru. Apabila bilangan murid yang terlalu sedikit, kelas akan digabung untuk semua peringkat umur manakala bagi pusat yang mempunyai murid yang ramai, keadaan kelas menjadi padat dan sukar untuk seorang guru dan pembantu guru untuk mengawal keadaan kelas seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, menyatakan bagi mengatasi masalah ini pihak JHEAIK sedang dalam proses penyelarasan guru TASKA dan NURY dengan memaklumkan kepada Pejabat**

Agama Daerah masing-masing bahawa guru NURY boleh ditukarkan ke mana-mana pusat TASKA dan sebaliknya.

Gambar 2.1
Keadaan Kelas Yang Padat Memuatkan 35
Orang Murid Dalam Satu Kelas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat TASKA Surau Paya Nongmi,
Changlun, Kubang Pasu
Tarikh: 29 Oktober 2013

Gambar 2.2
Keadaan Kelas Yang Digabung Murid
Berumur 5 Dan 6 Tahun Seramai 9 Orang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat NURY PIDA 5, Kubang Pasu
Tarikh: 30 Oktober 2013

Pada pendapat Audit, JHEAIK perlu memastikan penempatan guru adalah sepadan dengan jumlah murid supaya proses pendidikan awal pra sekolah dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

2.4.3. Prasarana Dan Kemudahan Asas

Keadaan bangunan adalah salah satu faktor yang penting dalam menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam suasana yang baik, selamat dan lengkap dengan kemudahan asas termasuk peralatan pembelajaran. Kawasan pembelajaran hendaklah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bilik belajar, bilik air, bilik aktiviti dan tempat makan. Lawatan Audit ke 11 pusat TASKA dan 5 pusat NURY yang dipilih mendapati 10 pusat TASKA beroperasi di kawasan masjid dan 1 di dewan. Manakala 4 pusat NURY beroperasi di bangunan yang dibina semasa NURY di bawah pengurusan Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan 1 pusat NURY beroperasi di tingkat bawah surau Kampung PIDA 5 di daerah Kubang Pasu. Antara penemuan Audit:

2.4.3.1. Bangunan Tidak Begitu Kondusif

- a. Bangunan pusat TASKA Masjid As-Salam, Tambak Bunga, Alor Setar terletak di belakang bangunan masjid dan di tempat terbuka serta tiada ruang untuk aktiviti riadah seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, permasalahan ini telah diketahui tetapi mereka mempunyai kekangan kawasan yang terhad.**

Gambar 2.3
Ruang Sembahyang Jumaat Yang
Dijadikan Pusat TASKA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid As-Salam Tambak Bunga,
Alor Setar
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 2.4
Keadaan Kelas Yang
Terletak Di Tempat Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid As-Salam Tambak Bunga,
Alor Setar
Tarikh: 1 Oktober 2013

- b. Pusat TASKA Masjid Al-A'ala, Jitra terletak di bahagian *basement* masjid seperti di **Gambar 2.5**. Persekitaran pusat TASKA ini didapati kurang sesuai untuk murid pra sekolah. Selain itu, tandas untuk kegunaan murid pra sekolah turut dikongsi dengan tandas awam yang terletak di tingkat atas. Murid-murid didapati terpaksa menggunakan tangga dan akan ditemani pembantu guru untuk menjaga keselamatan mereka. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, pusat TASKA ini akan dipindahkan ke dewan berhampiran dengan masjid yang sekarang ini di dalam proses pembinaan.**

Gambar 2.5
Pusat TASKA Yang Terletak Di
Bahagian Basement Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid Al-A'ala, Jitra
Tarikh: 28 Oktober 2013

- c. Murid terpaksa belajar di kantin kerana bilangan kelas tidak mencukupi seperti di **Gambar 2.6**.

Gambar 2.6
Murid Terpaksa Belajar Di Kantin Kerana Kelas Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat TASKA Masjid Zahir, Alor Setar
Tarikh: 30 September 2013

- d. NURY Lorong Bayu, Alor Setar ada menyediakan aktiviti asuhan bagi kanak-kanak berumur 3 tahun ke atas dan beroperasi daripada 8 pagi hingga 5 petang. Lawatan Audit mendapati di NURY Lorong Bayu, tiada ruang khas disediakan bagi memisahkan murid-murid dan kanak-kanak asuhan ini. Dengan ini mereka akan bermain dan tidur di ruang yang digunakan untuk belajar seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, bagi mengatasi masalah ini satu penghadang akan dipasang untuk memisahkan murid dan kanak-kanak asuhan.**

Gambar 2.7
Keadaan Di Pusat NURY Di Mana Murid Pra Sekolah Bercampur Dengan Kanak-Kanak Peringkat Asuhan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokas: Pusat NURY Lorong Bayu, Alor Setar
Tarikh: 7 Oktober 2013

Gambar 2.8
Keadaan Di Pusat NURY Di Mana Murid Pra Sekolah Bercampur Dengan Kanak-Kanak Peringkat Asuhan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat NURY Lorong Bayu, Alor Setar
Tarikh: 7 Oktober 2013

2.4.3.2. Keselamatan Bangunan Dan Persekitaran

- a. Pusat TASKA Paya Nongmi, Kubang Pasu terletak di bahagian bawah surau dan tidak mempunyai pagar. Pusat TASKA ini terletak di persimpangan jalan dan menjadi laluan penduduk kampung. Keadaan ini membahayakan keselamatan murid semasa aktiviti luar dilakukan seperti di **Gambar 2.9**.
- b. Pusat TASKA Masjid Nurul Hidayah, Langkawi terletak di bahagian belakang masjid dan tidak mempunyai pagar yang memisahkan antara kawasan pusat TASKA dan masjid. Pusat tersebut terletak berhampiran dengan tempat letak kereta pengunjung masjid dan keadaan ini membahayakan keselamatan murid seperti di **Gambar 2.10**.

Gambar 2.9
Kedudukan Pusat TASKA Tidak Berpagar
Dan Terletak Di Persimpangan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat TASKA Surau Paya Nongmi,
Changlun, Kubang Pasu
Tarikh: 29 Oktober 2013

Gambar 2.10
Kedudukan Pusat TASKA Tidak Berpagar
Dan Terletak Berhampiran Tempat Letak
Kereta Awam Dalam Kawasan Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat TASKA Masjid Nurul Hidayah,
Klebang, Langkawi
Tarikh: 23 Oktober 2013

- c. Pusat TASKA dan NURY hendaklah menepati piawaian kebersihan dan keselamatan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan. Keselamatan murid sepanjang masa pembelajaran merupakan tanggungjawab pihak pengurusan pusat TASKA dan NURY. Lawatan Audit ke 11 pusat TASKA dan 5 pusat NURY mendapati piawaian kebersihan dan keselamatan masih belum dipatuhi oleh pihak pusat seperti berikut:
 - i. 10 pusat TASKA tidak menyediakan alat pemadam api untuk pencegahan kebakaran manakala pusat TASKA Masjid Zahir, Alor Setar ada menyediakan alat pemadam api dan diselenggara dengan baik dan teratur seperti di **Gambar 2.11**. Manakala 5 pusat NURY mempunyai alat pemadam api tetapi telah luput tarikh termasuk pusat NURY PIDA 5 tidak diselenggara dengan teratur seperti di **Gambar 2.12**.

Gambar 2.11
Alat Pemadam Api Yang Diselenggara
Dengan Baik Dan Di Gantung
Di Dinding Kelas



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: TASKA Masjid Zahir, Alor Setar
 Tarikh: 30 September 2013

Gambar 2.12
Alat Pemadam Api Yang Tidak
Diselenggara Dengan Teratur
Dan Diletak Di Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat NURY PIDA 5, Kubang Pasu
 Tarikh: 30 Oktober 2013

- ii. Tempat permainan yang disediakan berada dalam keadaan yang tidak terurus seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**.

Gambar 2.13
Keadaan Tempat Permainan Kotor
Dan Berlantai Simen Merbahaya
Kepada Kanak-Kanak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat TASKA Masjid Zahir, Alor Setar
 Tarikh: 30 September 2013

Gambar 2.14
Keadaan Tempat Permainan Yang Tidak
Terurus Dengan Rumput Yang Panjang
Di Persekitaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat NURY Lorong Bayu, Alor Setar
 Tarikh: 7 Oktober 2013

- iii. Singki yang tinggi untuk kanak-kanak membasuh tangan sehingga terpaksa menggunakan kerusi seperti di **Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16**.

Gambar 2.15
Kedudukan Singki Yang Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat TASKA Masjid Ar-Irfan, Alor Setar
Tarikh: 2 Oktober 2013

Gambar 2.16
Kedudukan Singki Yang Tinggi Di Mana Murid Terpaksa Menggunakan Kerusi Untuk Membasuh Tangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat TASKA Masjid Ar-Irfan, Alor Setar
Tarikh: 2 Oktober 2013

- iv. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, perancangan sedang diatur bagi melaksanakan penambahbaikan pusat TASKA dan NURY mengikut peruntukan pusat TASKA yang terlibat melalui Pejabat Agama Daerah.**

Pada pendapat Audit, JHEAIK perlu meneliti semula kesesuaian menjalankan pusat TASKA di lokasi yang lebih baik agar kanak-kanak pra sekolah dapat belajar dalam keadaan yang lebih selesa dan selamat. JHEAIK perlu meneliti aspek keselamatan murid dan memastikan peraturan mengenainya dipatuhi sepenuhnya.

2.4.4. Kadar Dan Cara Penyediaan Makanan Tidak Ditetapkan

2.4.4.1. Makanan yang berkhasiat penting bagi kanak-kanak kerana ia membekalkan nutrien untuk perkembangan dan pertumbuhan, membekalkan tenaga untuk aktiviti fizikal dan mental serta membantu dalam mengekalkan ketahanan badan terhadap jangkitan. Pilihan gabungan makanan setiap hari berpandukan piramid makanan adalah penting bagi memastikan perkembangan kanak-kanak. Piramid makanan bagi kanak-kanak dan pra sekolah yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Piramid Makanan Bagi Kanak-kanak Berumur 2 Hingga 6 Tahun

Aras Mengikut Piramid	Jenis Makanan	Keperluan Hidangan
Aras 1	Bijiran dan ubi	Lebih banyak
Aras 2	Buah dan sayur	Lebih
Aras 3	Ikan/ayam/daging/kecacang/susu dan hasil tenusu	Sederhana
Aras 4	Lemak/minyak dan kumpulan gula	Kurang

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

2.4.4.2. Semakan Audit mendapati kekerapan hidangan yang diberikan kepada murid-murid di pusat TASKA ialah 1 kali sehari manakala di pusat NURY 2 kali sehari. Pihak Audit difahamkan peraturan ini disediakan sejak NURY di bawah pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang mana aktiviti utama mereka ialah asuhan kanak-kanak dan peraturan ini diteruskan sehingga kini. Semakan turut mendapati JHEAIK tidak menetapkan menu dan kaedah bagi hidangan makanan kepada murid-murid. Penyediaan makanan adalah terpulang kepada Guru Kanan setiap pusat TASKA/NURY untuk menentukan menu, makanan bermasak atau dimasak sendiri dan jumlah bahan yang perlu dibeli untuk memasak. Lawatan Audit ke pusat TASKA dan NURY mendapati perkara berikut:

- a. Pejabat Agama Daerah Langkawi telah menetapkan semua murid di pusat TASKA dibekalkan dengan makanan bermasak yang disediakan oleh pembekal dengan kadar yang ditetapkan iaitu RM1 seorang/sehari. Manakala Pejabat Agama Daerah Kubang Pasu pula telah menetapkan menu makanan untuk semua pusat TASKA di daerah ini. Bagaimanapun mereka diberi pilihan sama ada untuk memasak sendiri di pusat TASKA atau menyediakan makanan bermasak kepada murid. Bagi makanan bermasak kadar yang ditetapkan ialah RM1 seorang sehari.
- b. Pusat NURY Taman Berlian, Langkawi menyediakan makanan yang dimasak oleh Pembantu Guru dan disediakan 2 kali sehari iaitu sarapan pagi dan makan tengah hari. Manakala pusat NURY di daerah Kubang Pasu menyediakan makanan yang dimasak oleh pembantu guru di pusat NURY masing-masing.
- c. Pusat TASKA Masjid Zahir Alor Setar mempunyai 2 jawatan tukang masak yang akan menyediakan makanan untuk murid-murid. Selain itu, pusat ini mempunyai tempat makan yang selesa di bangunan yang berasingan daripada tempat mereka belajar.
- d. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, penetapan menu serta kadar bagi setiap murid akan diselaraskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Daerah. Selain itu, Garis Panduan dan penetapan kadar akan dilaksanakan segera.**

Pada pendapat Audit, cadangan JHEAIK untuk menetapkan kadar dan cara penyediaan makanan yang seragam bagi memastikan murid mendapat makanan yang berkhasiat berpandukan piramid makanan hendaklah dilaksanakan dengan segera di semua daerah. Bagaimanapun, kadar RM1 seorang sehari yang ditetapkan dilihat tidak mencukupi dalam keadaan sekarang untuk menjamin khasiat pemakanan seimbang.

2.4.5. Pengurusan Kewangan TASKA dan NURY

Bahagian Pendidikan JHEAIK merangkumi 3 unit iaitu unit Sekolah Agama, unit Sekolah Pendidikan Islam (SPI)/Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA) dan unit Pra Sekolah (TASKA/NURY). Pengurusan kewangan TASKA yang merangkumi bayaran gaji, keperluan

pusat TASKA, kursus dan seminar diluluskan di bawah kod 29000 - Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Yang Dibeli dan Hospitaliti. Manakala kewangan NURY dikelola di bawah Akaun Amanah Program Pembangunan Keluarga Dan Kanak-kanak (Kod 65129). Semakan Audit mendapati:

2.4.5.1. Kutipan Yuran TASKA

Arahan Perbendaharaan 53 menetapkan adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal bagi memungut dengan sewajarnya segala wang awam yang patut diterima oleh atau di bawah arahan mereka, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka didapati tidak betul. Semakan Audit mendapati kutipan yuran bulanan di antara RM20 hingga RM50 sebulan manakala yuran pendaftaran di antara RM10 hingga RM50 setahun bagi setiap murid telah dikutip oleh Guru Kanan setiap pusat TASKA. Penetapan yuran ini ditentukan oleh Pusat TASKA masing-masing. Pihak Audit mendapati wang kutipan ini dibelanjakan terus untuk perbelanjaan TASKA berkenaan seperti bayaran bekalan bahan mentah, utiliti dan lain-lain perbelanjaan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar hasil yuran dan pendaftaran yang telah dipungut kerana rekod mengenainya tidak diselenggara dengan teratur dan perkara ini telah berlaku sejak penubuhan TASKA lagi di mana pengurusan TASKA adalah di bawah Jawatankuasa Masjid masing-masing. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, pelaksanaan pengurusan kewangan di pusat TASKA telah dikendalikan oleh pihak pusat sejak penubuhannya. Pihak JHEAIK akan melakukan pemantauan dengan teliti dan kursus berkaitan pengurusan kewangan akan diberi dari semasa ke semasa.**

2.4.5.2. Kutipan Yuran NURY

Pekeliling Perkhidmatan NURY Bil. 1 Tahun 2011 telah menetapkan kadar yuran bulanan adalah RM30 sebulan, yuran pendaftaran adalah RM50 bagi seorang murid dan dikenakan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian murid di pusat NURY berkenaan. Selain itu, setiap murid dikenakan yuran tahunan berjumlah RM15 seorang dan dikenakan sekali sahaja untuk satu tahun pengajian murid di pusat NURY berkenaan. Bagaimanapun Mesyuarat Pengurusan NURY yang diadakan pada Januari 2012 menetapkan kadar yuran NURY bagi 4 pusat NURY dikenakan RM30 sebulan manakala 9 pusat lagi berjumlah RM15 sebulan berkuatkuasa Februari 2012. Penetapan ini adalah berdasarkan lokasi dan kemampuan penduduk setempat. Selain itu, mulai Januari 2013 kadar yuran pendaftaran dan tahunan telah dikurangkan masing-masing kepada RM25 dan RM10. Mulai bulan Februari 2012, yuran tahunan dan pendaftaran adalah disimpan di pusat NURY bagi menjalankan apa-apa aktiviti yang dirancang.

2.4.5.3. Kutipan Yuran Bulanan Lewat Diserahkan Ke Pejabat Agama Daerah

- a. Pekeliling Perkhidmatan NURY Bil. 1 Tahun 2011 menetapkan kadar yuran bulanan hendaklah dibayar selewat-lewatnya setiap 5 hari bulan. Ketua Guru pusat NURY hendaklah memastikan kutipan yuran bulanan dibuat dengan teratur mengikut bilangan murid di dalam Daftar Murid. Keseluruhan kutipan dan penyata kewangan yuran bulanan hendaklah diserahkan oleh Ketua Guru NURY kepada Pegawai Agama Daerah selewat-lewatnya pada setiap 10 hari bulan berikutnya.
- b. Semakan Audit ke atas Rekod Yuran di 5 pusat NURY yang dilawati mendapati berlaku kelewatan dalam penyerahan kutipan yuran ke Pejabat Agama Daerah di antara 1 hari hingga 52 hari. Selain itu, semasa lawatan Audit ke NURY Kampung Kandis, Kodiang, Kubang Pasu pada 30 Oktober 2013 mendapati wang kutipan yuran bagi bulan Ogos hingga September 2013 masih belum diserahkan ke Pejabat Agama Daerah. Pihak Audit difahamkan perkara ini berlaku kerana terdapat murid yang lewat membayar yuran dan Ketua Guru akan menghantar ke Pejabat Agama Daerah selepas semua murid membuat bayaran yuran bagi bulan tersebut. Apabila kutipan ini diserahkan ke Pejabat Agama Daerah, Penyelia NURY akan menurunkan tandatangan di penyata dan kutipan ini akan diserahkan ke Bahagian Kewangan JHEAIK di mana resit akan dikeluarkan. Bagaimanapun terdapat kelewatan di antara 9 hari hingga 104 hari bagi Pejabat Agama Daerah untuk menyerahkan wang tersebut ke Bahagian Kewangan seperti di **Jadual 2.7**.
- c. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, kelewatan adalah berpunca daripada pihak waris lewat membayar yuran bulanan. Sekaligus memberi impak kepada kutipan wang oleh guru-guru.**

Jadual 2.7

Tempoh Kelewatan Serahan Kutipan Yuran Ke Pejabat Agama Daerah Dan Bahagian Kewangan JHEAIK Bagi Tahun 2013

Bil.	Nama Pusat NURY	Jumlah Kutipan Sebulan (RM)	Tempoh Kelewatan Serahan	
			Pejabat Agama Daerah (Hari)	Bahagian Kewangan JHEAIK (Hari)
1.	Kampung PIDA 5, Kubang Pasu	135 - 150	1 - 5	9 - 104
2.	Kampung Kandis, Kubang Pasu	420 - 450	1 - 52	12 - 47
3.	Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu	1,200 -1,350	1 - 4	14 - 104

Sumber: Rekod Kewangan NURY

2.4.5.4. Keselamatan Dan Penyimpanan Wang

Semua wang tunai yang diterima hendaklah dijaga dengan selamat mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Pegawai Pengawal. Lawatan Audit ke 10 pusat TASKA dan 5 pusat NURY mendapati perkara berikut:

- a. Pusat TASKA dan NURY di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu tidak mempunyai kabinet berkunci untuk menyimpan wang. Wang kutipan yuran akan disimpan oleh Guru Kanan di dalam beg mereka dan dibawa pulang ke rumah.
- b. 3 pusat TASKA di Langkawi mempunyai satu Akaun Semasa di Bank Islam atas nama TASKA JHEAIK daerah Langkawi. Baki wang yuran setiap bulan daripada ketiga-tiga pusat TASKA akan dimasukkan ke akaun ini dan diuruskan oleh Guru Kanan TASKA Masjid Al-Hana. Mengikut penyata bank pada 30 September 2013, baki akaun ini ialah RM27,852. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kelulusan telah diperolehi daripada Pegawai Kewangan Negeri untuk menguruskan akaun ini.
- c. NURY Langkawi mempunyai satu akaun bank di Public Bank.
- d. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, penyelarasan penyimpanan wang telah diberi taklimat oleh Bahagian Kewangan JHEAIK dalam perjumpaan dengan Ketua Guru NURY dan kerani kewangan daerah.**

2.4.5.5. Rekod Kewangan Tidak Diselenggara Dengan Kemas Kini

- a. Pegawai pengawal adalah bertanggungjawab bagi menentukan suatu sistem perakaunan yang sepatutnya diwujudkan dan pengawasan yang sesuai diadakan untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan atau kecuai. Oleh itu arahan dan panduan hendaklah dikeluarkan dari semasa ke semasa bagi menjalankan penyeliaan terhadap penerimaan hasil dan menerima perbelanjaan yang dibenarkan dengan sepatutnya sebagai pertanggungan dalam akaunnya.
- b. Semakan Audit terhadap 10 pusat TASKA dan 5 pusat NURY mendapati:
 - i. Tidak ada surat penurunan kuasa untuk mengutip wang kepada Guru Kanan di pusat TASKA dan NURY.
 - ii. Buku Tunai ada disediakan tetapi penyediaannya tidak seragam kerana tiada garis panduan untuk format dikeluarkan oleh JHEAIK.
 - iii. Tidak ada satu panduan yang khusus mengenai perekodan resit ke dalam Buku Tunai. Buku resit yang telah digunakan tidak disimpan dengan teratur dan ada yang hilang. NURY menggunakan resit yang tidak bercop dan bukan resit yang dikhaskan untuk TASKA/NURY
 - iv. Baucar bayaran tidak digunakan untuk merekod perbelanjaan. Resit/bil perbelanjaan ada yang ditampal dalam buku dan ada yang disimpan di dalam fail.
- c. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, perkara ini akan diambil tindakan oleh Bahagian Kewangan.**

Pada pendapat Audit, JHEAIK perlu memberi penekanan dalam aspek penyediaan panduan tatacara penerimaan dan bayaran bagi pengurusan kewangan TASKA dan NURY.

2.4.6. Pemantauan

Pemantauan penting bagi memastikan pengurusan kurikulum TASKA dan NURY dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Proses pemantauan dilaksanakan bertujuan untuk membantu guru meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran supaya lebih berkesan dalam melaksanakan penambahbaikan secara sistematik. Mekanisme pemantauan yang berkesan boleh memudahkan pihak pengurusan membuat tindakan susulan yang tepat bagi mengatasi sebarang masalah yang berlaku.

2.4.6.1. Jadual Lawatan Penyeliaan Tidak Disediakan

Pemantauan perlu dilaksanakan oleh Unit Pra Sekolah ke atas semua pusat TASKA dan NURY di seluruh negeri Kedah. Pemantauan hendaklah dirancang dengan lebih sistematik dan kondusif. Penilaian prestasi guru perlu dilakukan dari semasa ke semasa agar dapat melahirkan guru yang cekap, berkesan dan produktif. Jadual lawatan adalah penting bagi menentukan setiap penyelia telah membuat perancangan untuk memastikan setiap pusat TASKA dan NURY dilawati sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun. Selain itu, perancangan penyeliaan juga akan memastikan proses penyeliaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati penyelia tidak menyediakan jadual lawatan bagi merancang aktiviti penyeliaan bulanan dan tahunan. Oleh kerana perancangan penyeliaan tidak dibuat, maka aktiviti penyeliaan tidak dijalankan secara terancang dan berjadual. Selain daripada penilaian prestasi guru, pengurusan kewangan setiap pusat TASKA/NURY juga perlu dipantau dan semakan berkala hendaklah dibuat bagi memastikan ianya diurus dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Penyelia/penyelaras unit Pra Sekolah perlu diwujudkan di setiap Pejabat Agama Daerah bagi memantau aktiviti pusat TASKA/NURY. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, jadual lawatan penyelia tidak disediakan kerana kekangan kakitangan di Unit Pra Sekolah dan penambahbaikan akan dilaksanakan sekiranya terdapat penambahan bilangan penyelia.**

2.4.6.2. Jawatankuasa TASKA Negeri Belum Ditubuhkan

Bagi menguruskan TASKA, JHEAIK telah menetapkan tiga peringkat Jawatankuasa TASKA perlu diwujudkan iaitu:

- a. Jawatankuasa TASKA Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Pihak Audit mendapati jawatankuasa ini masih belum ditubuhkan.
- b. Jawatankuasa TASKA Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Agama Daerah. Semakan Audit mendapati Pejabat Agama Daerah Langkawi ada menubuhkan

jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Pegawai Agama Daerah dan ahlinya terdiri daripada wakil Pejabat Agama Daerah Langkawi, Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Hana dan Masjid Nur Hidayah serta semua guru dan pembantu guru TASKA/NURY. Pusat TASKA di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu masih belum menubuhkan jawatankuasa TASKA Daerah.

- c. Jawatankuasa TASKA di masjid dan surau dan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kariah bagi masjid-masjid berkenaan. Pihak Audit mendapati hanya 4 daripada 11 pusat TASKA yang dilawati menubuhkan jawatankuasa ini iaitu TASKA Masjid As-Salam, TASKA Masjid Al-Irfan, TASKA Masjid Ar-Rahman dan TASKA Paya Nongmi. Jawatankuasa ini diwakili oleh wakil AJK masjid, waris murid serta guru dan pembantu guru TASKA.
- d. **Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 12 Januari 2014, Jawatankuasa TASKA Negeri akan ditubuhkan manakala Jawatankuasa Daerah dan masjid/surau akan diberi maklum supaya dapat ditubuhkan di daerah dan pusat masing-masing.**

Pada pendapat Audit, JHEAIK perlu menubuhkan jawatankuasa TASKA di peringkat negeri, daerah dan masjid bagi memantau dan memantapkan pengurusan TASKA dan NURY.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pra sekolah diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan, JHEAIK adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut dengan segera:

2.5.1. Menilai kembali semua pusat TASKA/NURY yang beroperasi agar penggunaan sumber seperti guru dan prasarana dapat dioptimumkan. Pusat-pusat ini perlu menggunakan pakai peraturan yang sama dan penjenamaan semula perlu dibuat sama ada dikenali sebagai TASKA ataupun NURY bagi memudahkan penyelarasan peraturan, kawalan dan pemantauan oleh JHEAIK.

2.5.2. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menyediakan kemudahan asas yang lebih lengkap dan sempurna.

2.5.3. Memberi latihan kepada Guru TASKA dan NURY berkenaan pengurusan kewangan bagi memperkemas lagi kemahiran dan pengetahuan mereka dalam menjalankan urusan pentadbiran di pusat TASKA/NURY masing-masing.

2.5.4. Menetapkan kadar dan cara penyediaan makanan bagi pusat TASKA dan NURY bagi memastikan murid-murid mendapat makanan yang berkhasiat dan seimbang.

2.5.5. Menyedia garis panduan kewangan agar semua pusat TASKA dan NURY dapat menyeragamkan kutipan yuran dan urusan pentadbiran kewangan masing-masing.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI

3. PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Tanah Rizab Melayu adalah tanah yang disimpan untuk diberi hak milik kepada orang Melayu atau kepada anak Melayu bagi negeri tempat terletak tanah itu seperti mana yang dinyatakan dalam Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan selagi ianya diperuntukkan dalam perundangan. Takrifan Melayu seperti mana dinyatakan dalam Enakmen Rizab Melayu Negeri Kedah 1931 adalah mana-mana orang yang beragama Islam dan lazimnya bercakap dalam Bahasa Melayu yang sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya berbangsa Melayu atau keturunan Arab.

3.1.2. Objektif Tanah Rizab Melayu diwujudkan adalah bagi menyekat tanah kerajaan di dalam kawasan Rizab Melayu daripada dilupuskan dengan apa cara kepada pihak lain dan menyekat Tanah Rizab Melayu daripada dibuat apa-apa urusan persendirian di antara Melayu dan pihak lain. Bagaimanapun, Menteri Besar dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat Kerajaan boleh melupuskan Tanah Rizab Melayu dan mengisytiharkan secara warta mana-mana tanah di dalam Negeri sebagai satu Rizab Melayu, tertakluk kepada Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan.

3.1.3. Unit M, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah selaku Pentadbir Tanah Negeri adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan permohonan berkaitan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu. Manakala, Pentadbir Tanah Daerah bertanggungjawab terhadap Tanah Rizab Melayu di peringkat daerah. Mandat untuk mentadbir tanah di daerahnya adalah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperuntukkan di bawah Seksyen 12, Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut rekod Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysian (JUPEM), keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Kedah adalah 600,087.39 hektar.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Tanah Rizab Melayu dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mematuhi perundangan yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pewartaan perizaban, pembatalan, penggantian dan endorsan di bawah syarat sekatan Tanah Rizab Melayu di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Daerah Kota Setar dan Pejabat Tanah Daerah Sik bagi tempoh sehingga tahun 2012.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan dengan pengurusan Tanah Rizab Melayu. Temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke lot tanah berkenaan bagi mengesahkan kedudukannya juga dilaksanakan. Data diperolehi daripada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Daerah Kota Setar, Pejabat Tanah Daerah Sik dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia.

3.4. PENEMUAN AUDIT

3.4.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Tanah Rizab Melayu adalah baik kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Dasar Tanah Simpanan Melayu di Negeri Kedah yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Rizab Melayu Negeri Kedah 1931. Bagaimanapun, pengauditan juga mengenal pasti beberapa kelemahan yang memberi kesan kepada pengurusan Tanah Rizab Melayu seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan tidak diganti sepenuhnya.
- Penggantian Tanah Rizab Melayu tidak melebihi 5% daripada keluasan asal tanah.
- Surat hak milik Tanah Rizab Melayu yang diganti tidak diendorskan.

3.4.2. Tanah Rizab Melayu Melebihi 50% Keluasan Negeri Kedah

Pengauditan yang dijalankan mendapati pada tahun 1996, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Dasar Tanah Simpanan Melayu di Negeri Kedah yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Rizab Melayu Negeri Kedah 1931. Dasar ini antara lainnya, menghendaki Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan diganti dengan serta merta dengan tanah yang sama jenis dan sama keluasan, menetapkan kawasan pembangunan tertentu yang boleh dibatalkan status Tanah Rizab Melayu dan juga kawasan di luar Tanah Rizab Melayu bagi tujuan diganti, semua permohonan bagi maksud pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu (*swapping*) adalah sama dari jenis guna tanah, tanah-tanah yang terlibat dengan permohonan perlulah terletak di dalam kawasan pembangunan tanah bandar/pekan yang diwartakan dan keluasan tanah gantian mestilah melebihi 5%. Pengauditan dijalankan mendapati keluasan Tanah Rizab Melayu adalah 62.96% iaitu melebihi Wasiat Raja-Raja Melayu yang mensyaratkan sekurang-kurangnya 50% keluasan negeri Kedah adalah dimiliki oleh Melayu.

3.4.3. Tanah Rizab Melayu Yang Dibatalkan Tidak Diganti Sepenuhnya

3.4.3.1. Mengikut Perkara 89, Fasal (3), Perlembagaan Persekutuan, Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan hendaklah digantikan serta merta dengan tanah lain yang sama jenis dan sama luas. Mengikut rekod Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia sejumlah 10,907.77 hektar Tanah Rizab Melayu telah dibatalkan dan diganti dengan sejumlah

2,499.56 hektar. Angka tersebut menunjukkan sejumlah 8,408.21 hektar bersamaan 77.08% tidak diganti seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Di Kedah

Bil.	Perkara	Keluasan (hektar)
1.	Pembatalan Tanah Rizab Melayu	10,907.77
2.	Penggantian Tanah Rizab Melayu	2,499.56
Keluasan Tanah Rizab Melayu Yang Tidak Diganti		8,408.21

Sumber: Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

3.4.3.2. Pemeriksaan Audit selanjutnya terhadap sampel yang dipilih mendapati permohonan pembatalan Tanah Rizab Melayu seluas 1,065.724 hektar melibatkan Lot 17,18 dan 20 (SP6189, SP6200 dan SP6202) berkeluasan 14.724 hektar di Daerah Kota Setar, Mukim Alor Malai dan Lot 15203 (HS(D) 2/1982) seluas 1,051 hektar di Daerah Sik, Mukim Sungai Pau tidak diganti. Perkara ini berlaku kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan permohonan tersebut berdasarkan perakuan dalam kertas cadangan yang dikemukakan tanpa mengambil kira penggantian tanah tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**, **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. **Mengikut maklum balas bertarikh 19 Februari 2014, PTG memaklumkan bahawa pembatalan TRM bagi lot 17, 18 dan 20 di Mukim Alor Malai, Daerah Kota Setar dibuat adalah berdasarkan kelulusan MMK melalui kertas No. 93/69 bertarikh 13 April 1969 yang mensyaratkan selepas tempoh pajakan 99 tahun, tanah tersebut akan diisytiharkan semula sebagai TRM. Manakala bagi lot 15203 Mukim Sungai Pau, Daerah Sik, dasar Kerajaan Negeri pada waktu itu telah meluluskan permohonan pembatalan TRM daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah tanpa ditukar ganti melalui Kertas No. 827/79 bertarikh 4 November 1979.**

Jadual 3.2

Senarai Tanah Rizab Melayu Yang Dibatalkan Tetapi Masih Belum Digantikan

Daerah	Mukim	No. Lot	No. Hak Milik	Keluasan (hektar)
Kota Setar	Alor Malai	17, 18 dan 20	SP 6189, 6200 dan 6202	14.724
Sik	Sungai Pau	15203	HS(D) 2/1982	1,051.000

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Setar dan Pejabat Tanah Daerah Sik

Gambar 3.1
Tanah Rizab Melayu Yang Dibatal
Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 17, 18 dan 20, Mukim Alor Malai,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 5 Disember 2013

Gambar 3.2
Tanah Rizab Melayu Yang Dibatal
Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 15203, Mukim Sungai Pau, Daerah Sik
Tarikh: 10 Disember 2013

Pada pendapat Audit, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian hendaklah memastikan Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan di masa hadapan diganti semula dengan segera bagi mengelakkan keluasan Tanah Rizab Melayu berkurangan.

3.4.4. Penggantian Tanah Rizab Melayu Tidak Melebihi 5% Daripada Keluasan Asal Tanah

3.4.4.1. Menurut Dasar Tanah Simpanan Melayu Negeri Kedah Darul Aman, penggantian Tanah Rizab Melayu mestilah melebihi 5% keluasan asal tanah yang dibatalkan. Semakan Audit mendapati Tanah Rizab Melayu di PT 2328, Daerah Kota Setar, Mukim Bandar Alor Setar seluas 699 mps yang dibatalkan mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Kertas No. 6(C) 22/2012 bertarikh 18 Januari 2012 telah diganti dengan Lot 28, Seksyen 54 seluas 720 mps. Bagaimanapun, jumlah keluasan tanah gantian tersebut hanya 3% iaitu tidak melebihi 5% dari jumlah keluasan asal berbanding sepatutnya 733.95 mps menjadikan sejumlah 13.95 mps yang terkurang ganti. **Mengikut maklum balas bertarikh 19 Februari 2014, PTD Kota Setar telah memasukkan Kaveat Pendaftar terhadap TRM yang diganti untuk menyekat berlakunya urusniaga dengan pihak lain. PTG juga sedang dalam perancangan untuk membuat penambahbaikan Dasar Tanah Rizab Melayu dengan membuat pindaan keluasan TRM yang diganti hendaklah setara atau lebih.**

Pada pendapat Audit, kekurangan keluasan tanah gantian sebanyak 13.95 mps perlu disemak semula sama ada tindakan sewajarnya diambil untuk mendapatkan tambahan keluasan Tanah Rizab Melayu.

3.4.5. Surat Hak Milik Tanah Rizab Melayu Yang Diganti Tidak Diendorskan

Seksyen 13, Enakmen Rizab Melayu Negeri Kedah 1931 memperuntukkan tanggungjawab Pentadbir Tanah Daerah supaya mendaftar tanah yang telah diluluskan di bawah Seksyen 4(c), dengan memasukkan perkataan 'Tanah Rizab Melayu' (diendorskan). Surat hak milik yang didaftarkan atau dikeluarkan hendaklah diendors bagi menjadikannya hak milik Melayu. Semakan Audit mendapati 7 surat hak milik bagi Tanah Rizab Melayu yang diganti di Daerah Kubang Pasu yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah bagi tempoh 2008 hingga 2012 tidak diendors 'Tanah Rizab Melayu' pada surat hak milik berkenaan. Perkara ini berlaku kerana pemilik tanah tidak hadir ke Pejabat Tanah Daerah untuk membuat permohonan memasukkan endorsan terhadap surat hak milik tanah tersebut. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian juga didapati tidak membuat arahan supaya Pentadbir Tanah Daerah membuat endorsan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) terhadap pemilikan tanah tersebut setelah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3** dan **Gambar 3.3**. **Mengikut maklum balas bertarikh 19 Februari 2014, PTG memaklumkan bahawa tindakan mengendors hak milik tersebut telah dibuat dan PTG akan mengeluarkan satu pekeliling supaya PTD memastikan TRM yang diganti, diendors terlebih dahulu sebelum pembatalan dibuat.**

Jadual 3.3
Tanah Rizab Melayu Yang Tidak Diendors

Bil.	No. Hak Milik	Lot	Mukim	Keluasan (Hektar)
1.	GM1211	2001	Kubang Pasu	0.0344
2.	GM 867	607	Binjal	0.1647
3.	PM138	2323	Hosba	1.741
4.	GM504	218	Pelubang	1.3991
5.	GM460	802	Pelubang	0.9335
6.	GM540	523	Malau	1.6815
7.	HS(M) 841	PT1673	Binjal	0.5672

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu



Gambar 3.3
Tanah Rizab Melayu Yang Diganti Tidak Diendorskan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2001, Mukim Kubang Pasu,
Daerah Kubang Pasu
Tarikh: 16 Disember 2013

Pada pendapat Audit, Tanah Rizab Melayu yang diganti perlu diendors dengan segera oleh Pentadbir Tanah Daerah bagi memastikan pindah milik tanah kepada pihak lain tidak berlaku.

3.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan Tanah Rizab Melayu adalah baik. Walau bagaimanapun, beberapa perkara yang dibangkitkan perlu diambil tindakan bagi memastikan pengurusan Tanah Rizab Melayu dibuat secara lebih berkesan. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian selaku Pentadbir Tanah Negeri dan Pejabat Tanah Daerah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1. Segera menggantikan Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan dengan kawasan dan keluasan sewajarnya.

3.5.2. Arahan dikeluarkan segera kepada Pentadbir Tanah Daerah supaya membuat endorsan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer bagi mengelakkan pindah milik dibuat kepada pihak lain.

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI MAJLIS PERBANDARAN KULIM

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Tatacara Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan sama ada perolehan secara terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah diperolehi daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

4.1.2. Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM74.69 juta. Perbelanjaan menggunakan peruntukan wang Majlis adalah berjumlah RM54.09 juta atau 72.4% daripada jumlah yang dibelanjakan. Perolehan MPSPK dan MPKK bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Perolehan MPSPK Dan MPKK Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga Tahun 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Sumber Peruntukan			Jumlah Perolehan (RM Juta)
	Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Kerajaan Negeri (RM Juta)	Kumpulan Wang Majlis (RM Juta)	
MPSPK	7.11	0.74	34.38	42.23
MPKK	11.02	1.73	19.71	32.46
Jumlah	18.13	2.47	54.09	74.69

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK)

4.1.3. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, jumlah keseluruhan perbelanjaan oleh MPSPK dan MPKK adalah masing-masing berjumlah RM159.06 juta dan RM98.53 juta. Manakala perbelanjaan bagi perolehan bagi tempoh yang sama adalah masing-masing berjumlah RM42.23 juta (26.5%) dan RM32.46 juta (32.9%). Perbandingan jumlah perbelanjaan keseluruhan dan perbelanjaan berkaitan perolehan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Perbandingan Perbelanjaan Keseluruhan Dan Perbelanjaan
Berkaitan Perolehan Di MPSPK Dan MPKK Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Perbelanjaan Keseluruhan (RM Juta)	Perbelanjaan Berkaitan Perolehan (RM Juta)	Peratus (%)
MPSPK			
2011	45.73	11.05	24.2
2012	53.12	14.32	26.9
2013	60.21	16.86	28.0
Jumlah	159.06	42.23	26.5
MPKK			
2011	27.70	6.84	24.7
2012	36.08	12.54	34.8
2013	34.75	13.08	37.7
Jumlah	98.53	32.46	32.9

Sumber: Penyata Kewangan dan Penyata Pembayaran MPSPK dan MPKK

4.1.4. Pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Bilangan Dan Jumlah Perolehan Di MPSPK Dan MPKK Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah (Bil.)	Jumlah (RM Juta)
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)		
MPSPK								
2011	1,205	5.55	82	5.50	-	-	1,287	11.05
2012	1,272	8.07	61	6.25	-	-	1,333	14.32
2013	1,341	6.99	86	8.27	1	1.6	1,428	16.86
Jumlah	3,818	20.61	229	20.02	1	1.6	4,048	42.23
MPKK								
2011	1,195	3.56	31	3.28	-	-	1,226	6.84
2012	1,281	3.43	33	3.04	1	6.07	1,315	12.54
2013	1,089	4.38	39	6.35	2	2.35	1,130	13.08
Jumlah	3,565	11.37	103	12.67	3	8.42	3,671	32.46

Sumber: Penyata Kewangan dan Penyata Pembayaran MPSPK dan MPKK

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dirancang serta diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan di MPSPK dan MPKK bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen untuk setiap perolehan yang dipilih serta membuat analisis terhadap data. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai MPSPK dan MPKK ke tapak projek yang dipilih telah diadakan. Temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2013 mendapati pengurusan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus di MPSPK dan MPKK telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan dan pemantauan adalah tidak memuaskan kerana kelemahan yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Perolehan dipecahkecil bagi mengelakkan penawaran secara sebut harga.
- Kerja dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi kerja dan tidak berkualiti.
- Kerja telah siap tetapi tidak digunakan.
- Perolehan kerja tidak dirancang dengan teliti.

4.4.1. Pengurusan Perolehan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menyatakan semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui kaedah tender, sebut harga dan pembelian terus berdasarkan had nilai yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan di MPSPK dan MPKK mendapati:

4.4.1.1. Perolehan Secara Tender

Peraturan semasa menetapkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender. Bagi tahun 2013, MPSPK dan MPKK telah menerima peruntukan dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) masing-masing berjumlah RM1.60 juta dan RM2.35 juta bagi program menaik taraf kawasan perindustrian berintegrasi sedia ada (termasuk industri halal) di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan di MPSPK dan MPKK mendapati 4 perolehan secara tender berjumlah RM3.95 juta telah dilaksanakan dengan teratur.

4.4.1.2. Perolehan Secara Sebut Harga

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, pembelian setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan antara RM50,000 hingga RM500,000 perlu dibuat secara sebut harga. Bagi memastikan pelaksanaan proses sebut harga tercapai, beberapa perkara seperti tempoh masa pelawaan, penubuhan Jawatankuasa berkaitan, dokumen sebut harga yang lengkap dan lain-lain perlu dipatuhi. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak 96 sebut harga berjumlah RM5.56 juta telah disemak di MPSPK dan 52 sebut harga berjumlah RM11.42 juta telah disemak di MPKK. Semakan Audit terhadap fail sebut harga mendapati perolehan secara sebut harga telah dibuat mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

4.4.1.3. Perolehan Secara Pembelian Terus

Arahan Perbendaharaan (AP) 170 menyatakan perolehan bekalan bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun perlu dipelawa secara sebut harga manakala AP 173.1 menetapkan perolehan bekalan bagi setiap jenis item sehingga RM50,000 setahun boleh dibuat secara pembelian terus. Perenggan 5, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007 (Had Nilai Dan Syarat-syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan Dan Perkhidmatan) menyatakan Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk merancang pembelian terus tahunan Agensi dan memastikan pembelian yang dibuat tidak dipecah kecil bagi mengelak perolehan secara sebut harga. Semakan Audit mendapati 23 daripada 250 sampel tidak mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu perolehan bagi membekal pakaian seragam bagi tahun 2012 berjumlah RM53,150, beg cenderahati bagi pembayar cukai pintu tahun 2013 berjumlah RM144,360, pembelian toner bagi tahun 2013 berjumlah RM92,447 telah dibuat secara pembelian terus di MPSPK. Manakala 38 daripada 100 sampel perolehan berjumlah RM133,900 telah dibuat secara pembelian terus bagi membekal *toner ink* bagi tahun 2013 di MPKK. Perolehan tersebut sepatutnya dibuat secara sebut harga dan bukannya secara pembelian terus memandangkan nilainya melebihi RM50,000. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Perolehan Secara Pembelian Terus Dipecah Kecilkan

Bil.	Butiran	Bilangan Baucar	Jumlah (RM)
MPSPK			
1.	Bekalan Pakaian Seragam	3	53,150
2.	Pembelian Beg Cenderahati Bagi Pembayar Cukai Pintu Tahun 2013	4	144,360
3.	Pembelian Toner	16	92,447
MPKK			
1.	Pembelian Toner	38	133,900
Jumlah			423,857

Sumber: Rekod MPSPK Dan MPKK

Pada pendapat Audit, secara umumnya pengurusan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan memecah kecil perolehan yang dibuat secara pembelian terus bagi mengelakkan sebut harga adalah bertentangan dengan peraturan kewangan kecuali mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Siasatan terperinci hendaklah dilakukan ke arah mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

4.4.2. Spesifikasi Dan Kualiti Kerja

Pelaksanaan kontrak hendaklah mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dan sebarang perubahan kerja hendaklah mendapat kelulusan. Perkara 6, Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja juga menyatakan Pegawai Inden berhak menolak kerja yang dibuat jika mutu hasil kerja tidak menepati spesifikasi. Ianya adalah untuk memastikan kerja yang disiapkan adalah berkualiti selaras dengan perjanjian kontrak.

4.4.2.1. Spesifikasi Kerja Tidak Diperincikan

Butiran kerja yang disenaraikan dalam Senarai Kuantiti hendaklah dinyatakan secara terperinci seperti jumlah keluasan, jenis, kadar seunit, kuantiti dan jumlah harga secara *item by item*. Perkara ini adalah penting bagi tujuan penyeliaan dan memastikan hanya barang atau butiran yang dinyatakan dalam Senarai Kuantiti sahaja dibekalkan. Semakan Audit mendapati butiran kerja bagi 6 sebut harga yang disemak dinyatakan secara pukal di dalam Senarai Kuantiti. Keadaan ini menyebabkan penghasilan kerja yang dilaksanakan adalah ditentukan sendiri oleh kontraktor. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.5. Mengikut maklum balas Majlis pada 13 Januari 2014, tindakan akan diambil bagi memperincikan butiran di Senarai Kuantiti.**

Jadual 4.5
Spesifikasi Kerja Tidak Diperincikan

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Jalan Paya Besar hingga Taman Seluang, Kulim	37,800	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Jalan Paya Besar hingga Taman Seluang, Kulim	<i>Lump Sum</i>	37,800
2.	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Taman Seluang hingga Jalan Kelang Lama, Kulim	44,880	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Taman Seluang hingga Jalan Kilang Lama, Kulim	<i>Lump Sum</i>	44,880
3.	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Kelang Lama hingga Simpang Tiga Keladi, Kulim	27,700	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Jalan Kilang Lama hingga Simpang Tiga Keladi, Kulim	<i>Lump Sum</i>	27,700
4.	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Simpang Tiga Keladi hingga Pekan Kulim	29,500	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Simpang Tiga Keladi hingga Pekan Kulim	<i>Lump Sum</i>	29,500
5.	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Jalan Masjid Kulim hingga Simpang Taman Bersatu Kulim	26,250	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Jalan Masjid Kulim hingga Simpang Taman Bersatu Kulim	<i>Lump Sum</i>	26,250
6.	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Simpang Taman Bersatu Kulim hingga Sempadan Bukit Mertajam	52,820	Cadangan mengecat <i>Road Kerb</i> di Simpang Taman Bersatu Kulim hingga Sempadan Bukit Mertajam	<i>Lump Sum</i>	52,820
	Jumlah	200,870			200,870

Sumber: Rekod MPKK

4.4.2.2. Kerja Tidak Berkualiti

Hasil lawatan Audit bersama Penolong Jurutera MPSPK ke tapak projek yang dipilih mendapati pelaksanaan kerja tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi. Keadaan fizikal projek semasa lawatan Audit adalah seperti di **Jadual 4.6**. Bagaimanapun selepas teguran Audit, pihak Majlis telah mengambil tindakan membaik pulih seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.8. Mengikut maklum balas Majlis pada 12 Januari 2014, lepaan longkang, railing laluan, tiang penyokong papan gelongsor, permukaan jogging track, tiang lampu telah dibaiki kecuali lepaan simen pecah dan kemasan di Taman**

Permainan Kanak-Kanak di Taman Bandar Baru Sg. Lalang Fasa 2. Mengikut maklum balas MPSPK pada 12 Januari 2014 dan MPKK pada 13 Januari 2014, keadaan jalan yang rosak dan berlubang berlaku kerana kenderaan muatan berat melalui kawasan ini dan bukan kegagalan struktur jalan. Kerja ini masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan Majlis akan mengarahkan kontraktor melakukan kerja membaik pulih.

Jadual 4.6

Keadaan Fizikal Projek Semasa Lawatan Audit

Bil.	Perihal Kerja	Keadaan Fizikal
1.	Kerja Menaik Taraf Longkang Masjid Taman Ria Jaya, Sungai Petani	Lepaan longkang pecah seperti di Gambar 4.1 dan Gambar 4.2 .
2.	Kerja Menaik Taraf Longkang di Gerai MPSPK	<i>Railing</i> laluan pejalan kaki hilang seperti di Gambar 4.3 dan Gambar 4.4 .
3.	Kerja Membekal Dan Memasang Peralatan Permainan Kanak-kanak di Taman Jubli Perak	Tiang penyokong di papan gelongsor tercabut seperti di Gambar 4.5 dan Gambar 4.6 . Peralatan ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan.
4.	Menaik Taraf Jalan Kawasan Perindustrian Padang Meha Sg. Karangan, Kulim	Jalan yang dinaiktaraf rosak dan berlubang seperti di Gambar 4.7 .
5.	Kerja Menaik Taraf Jalan Kawasan Perindustrian MIEL Sg. Lalang, Sungai Petani	Jalan rosak dan berlubang seperti di Gambar 4.8 .

Sumber: Rekod MPSPK dan Lawatan Audit

Gambar 4.1
Lepaan Longkang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid Taman Ria Jaya
Tarikh: 5 Disember 2013

Gambar 4.2
Lepaan Longkang Pecah Telah Dibaiki



Sumber: MPSPK
Lokasi: Masjid Taman Ria Jaya
Tarikh: 12 Januari 2014

Gambar 4.3
Railing Laluan Pejalan Kaki Hilang




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai MPSPK Hadapan Swiss Inn
Tarikh: 5 Disember 2013

Gambar 4.4
Railing Laluan Pejalan Kaki Telah Diganti



Sumber: MPSPK
Lokasi: Gerai MPSPK Hadapan Swiss Inn
Tarikh: 12 Januari 2014

Gambar 4.5
Tiang Penyokong Papan Gelongsor Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Jubli Perak
Tarikh: 5 Disember 2013

Gambar 4.6
Tiang Penyokong Papan Gelongsor Diganti



Sumber: MPSPK
Lokasi: Taman Jubli Perak
Tarikh: 12 Januari 2014

Gambar 4.7
Jalan Yang Dinaiktaraf Rosak Dan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Padang Meha, Kulim
Tarikh: 10 Disember 2013

Gambar 4.8
Kerosakan Di Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama 1,2,3 & 4 Kawasan Perindustrian MIEL Sg. Lalang, Sg. Petani
Tarikh: 6 Januari 2014

Pada pendapat Audit, spesifikasi dan kualiti kerja adalah tidak memuaskan. Pemantauan dan pengawasan perlu dilaksanakan bagi memastikan spesifikasi serta penyiapan kerja dipatuhi dan berkualiti agar Kerajaan tidak menanggung kos penyenggaraan yang tidak sepatutnya. Selain itu Majlis hendaklah memastikan kerja membaikpulih kerosakan bagi perolehan kerja atau projek yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dibuat dengan segera.

4.4.3. Perolehan Kerja Tidak Digunakan

Lawatan Audit mendapati kerja yang siap dilaksanakan tidak digunakan atau tidak digunakan sepenuhnya. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan kajian awal di peringkat perancangan tidak dijalankan terhadap kesesuaian tapak. Kerja yang telah disiapkan tetapi tidak digunakan adalah merugikan Kerajaan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.4.3.1. Tapak Pasar Tani Di Pekan Tikam Batu Tidak Digunakan

Kerja Penyediaan Tapak Pasar Tani Di Pekan Tikam Batu telah dilaksanakan di bawah peruntukan Majlis dengan kos berjumlah RM170,155. Projek ini telah diperakui siap dengan sempurna dan memuaskan pada 27 Januari 2013. Lawatan Audit ke tapak tersebut bersama Penolong Jurutera MPSPK pada 3 Disember 2013 mendapati kawasan tapak Pasar Tani terbiar dan tidak digunakan seperti di **Gambar 4.9. Mengikut maklum balas MPSPK bertarikh 12 Januari 2014, usaha akan dibuat membolehkan tapak tersebut digunakan bagi menempatkan peniaga setempat yang berminat.**



Gambar 4.9
Tapak Pasar Tani Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pasar Tani Pekan Tikam Batu
Tarikh: 3 Disember 2013

4.4.3.2. Gerai MPSPK Tidak Disewa

Kerja menaik taraf 4 unit gerai MPSPK di Pantai Merdeka telah dilaksanakan melalui peruntukan Kerajaan Negeri pada 4 Julai 2012. Kerja telah dimulakan pada 30 September 2012 dan siap pada 28 Oktober 2012 dengan kos berjumlah RM19,511. Lawatan Audit bersama pegawai MPSPK pada 3 Disember 2013 mendapati bangunan yang telah dinaik taraf masih belum disewakan. Lawatan ke gerai tersebut juga mendapati sebilangan kayak ditempatkan di bawah gerai seperti di **Gambar 4.10. Mengikut maklum balas pada 12 Januari 2014, Unit Pelancongan telah menerima gerai tersebut daripada**

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta pada 15 April 2013. Pemeriksaan yang dijalankan terhadap gerai pada 16 April 2013 mendapati bumbung zink terkopak dan beberapa buah kayak diletakkan dalam gerai tersebut. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Jabatan Kejuruteraan dan gerai tersebut akan disewakan setelah tindakan pembaikan dilaksanakan.



Gambar 4.10
Gerai MPSPK Tidak Disewa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Merdeka, Sg. Petani
Tarikh: 3 Disember 2013

4.4.3.3. Bangunan Kraftangan Tidak Diguna dan Terbiar

Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM100,000 bagi menaik taraf bangunan bertujuan untuk menempatkan bahan kraf tangan untuk jualan di Pantai Merdeka. Perlaksanaan projek dengan kos berjumlah RM90,037 ini adalah selama 4 minggu dan siap pada 30 September 2012. Lawatan Audit bersama Pegawai Bahagian Kejuruteraan pada 3 Disember 2013 mendapati bangunan tersebut tidak digunakan. Bangunan tersebut telah dilengkapi dengan unit alat penghawa dingin. Semasa lawatan Audit, didapati 2 unit *Compressor* jenama York telah hilang seperti **Gambar 4.11**. **Mengikut maklum balas Majlis pada 12 Januari 2014, tindakan akan diambil untuk menggunakan bangunan tersebut.**

Gambar 4.11
Compressor Penghawa Dingin Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Kraftangan Pantai Merdeka
Tarikh: 3 Disember 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan aset adalah tidak memuaskan kerana kerja yang siap dilaksanakan tidak digunakan. Adalah menjadi amalan pengurusan yang baik untuk memastikan perolehan dibuat mempunyai *value for money*. Kerja yang telah disiapkan tetapi tidak digunakan adalah merugikan Kerajaan.

4.4.4. Perolehan Tidak Dirancang Dengan Teliti

Semua perolehan Kerajaan hendaklah dibuat dengan teliti supaya nilai perolehan yang dibuat adalah setara berbanding jumlah yang dibelanjakan dan tidak membazir.

4.4.4.1. Jambatan Di Tapak Pelupusan Padang Cina, Kulim

- a. Jambatan di Tapak Pelupusan Padang Cina merupakan jambatan utama yang digunakan oleh lori pengangkutan sampah untuk ke tapak pelupusan sampah. Pada 13 November 2009, jambatan tersebut telah runtuh akibat hakisan tebing dan menyebabkan kerja-kerja ke tapak pelupusan tergendala. MPKK telah mengambil tindakan segera membaiki sendiri jambatan tersebut. Atas nasihat dan syor JKR, kos yang terlibat bernilai anggaran RM212,175. Pada 8 Mei 2012, jambatan tersebut runtuh buat kali kedua akibat daripada kegagalan tembok penahan hakisan asas. MPKK melantik kontraktor Loo Engineering Work Construction untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan kos bernilai RM95,000. Kesan daripada runtuhannya kedua, lori pengangkutan sampah terpaksa menggunakan jalan alternatif iaitu laluan jalan ladang di BMR Estate Kulim sementara menunggu jambatan tersebut siap. Laluan jalan ladang sementara sepanjang 700 meter ke tapak pelupusan telah disenggara dengan kerja-kerja membekal *crusher run* dan penggantian *box culvert* dan kos terlibat adalah berjumlah RM42,213. Kerja pembaikan dilakukan pada Ogos 2012 dan siap pada 12 September 2012.
- b. Pada 2 Ogos 2012, MPKK telah diluluskan peruntukan tambahan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berjumlah RM250,000 bagi membina jambatan di Tapak Pelupusan Sampah Padang Cina. MPKK melantik kontraktor Soffah Enterprise bagi membina jambatan baru dengan kos berjumlah RM229,450. Kerja tersebut siap pada 27 November 2012. Lawatan Audit pada 26 November 2013 mendapati terdapat 2 jambatan yang telah siap dibina dan dibaikpulih seperti di **Gambar 4.12**.



Gambar 4.12
Keadaan Jambatan di Tapak Pelupusan Sampah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Padang Cina
Tarikh: 26 November 2013

- c. Jambatan lama yang dibaikpulihan oleh Loo Engineering Work Construction telah siap pada 12 September 2012. Bagaimanapun sebulan selepas itu, pada 15 Oktober 2012 pihak kontraktor telah dipanggil semula bagi memperbaiki hakisan di tebing. Lawatan Audit pada 26 November 2013 mendapati jambatan tersebut tidak boleh digunakan kerana terdapat kesan runtuh dan hakisan di tebing jambatan seperti di **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**.

Gambar 4.13
Kesan Runtuhan Tebing di Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah, Padang Cina
Tarikh: 26 November 2013

Gambar 4.14
Hakisan Di Tebing Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah, Padang Cina
Tarikh: 26 November 2013

- d. Kesan daripada hakisan tebing telah menyebabkan penggunaan jambatan tidak dapat bertahan lama. Semakan lanjut Audit mendapati tiada bukti penyiasatan tapak (*soil investigation*) telah dibuat terhadap tapak projek bagi menentukan keupayaan, kekuatan dan kesesuaian tanah sama ada selamat dan jenis jambatan yang sesuai digunakan sebelum pembinaan dijalankan. Ini berikutan kejadian yang sama berulang disebabkan punca yang sama. Kesannya kos penyenggaraan bertambah.
- e. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada MPKK pada 13 Januari 2014, bagi mengelakkan masalah yang sama berulang, pihak Majlis akan berbincang dengan JPS sebelum aktiviti mengeluarkan pasir dijalankan. Punca utama hakisan tebing adalah disebabkan aktiviti pengeluaran pasir.**

4.4.4.2. Projek Pintu Gerbang Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK)

Projek Membina Dan Menyiapkan Pintu Gerbang MPSPK bernilai RM459,107 telah ditawarkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Naka pada akhir tahun 2012. Berdasarkan kontrak, tempoh projek adalah selama 3 minggu bermula pada 18 Disember 2012 dan dijangka siap pada 8 Januari 2013. Lawatan Audit ke tapak projek ini pada 7 Disember 2013 mendapati kerja pembinaan telah terbengkalai seperti di **Gambar 4.15** hingga **Gambar 4.18**. Hasil semakan Audit mendapati projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal kontrak antaranya disebabkan oleh ubahsuai pelan reka bentuk arca serta rancangan pelebaran Jalan Persekutuan oleh Jabatan Kerja Raya. Pada masa yang sama, pihak MPSPK telah membuat tawaran perjanjian Penamatan Bersama (*Mutual Termination*) berjumlah RM34,639 kepada pihak kontraktor. Bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada keputusan yang muktamad. **Mengikut maklum balas MPSPK bertarikh 12 Januari 2014, projek diberhentikan kerana rancangan pelebaran jalan oleh Jabatan Kerja Raya. Pada 30 Oktober 2013, MPSPK telah mengadakan perbincangan bersama pihak kontraktor untuk melaksanakan Penamatan Bersama. Pada 17 Disember 2013, MPSPK telah menghantar surat susulan kepada Kontraktor agar menandatangani perjanjian Penamatan Bersama. Bagaimanapun sehingga kini masih tiada respons dari pihak kontraktor.**

Gambar 4.15
Cadangan Membina Dan Menyiapkan
Pintu Gerbang MPSPK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Sg. Petani - Alor Setar,
Berhadapan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda
Tarikh: 7 Disember 2013

Gambar 4.16
Kerja Pembinaan Asas Pintu Gerbang
Telah Dihentikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Sg. Petani - Alor Setar,
Berhadapan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda
Tarikh: 7 Disember 2013

Gambar 4.17
Pembinaan Yang Terbengkalai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Alor Setar - Sg. Petani,
Berhadapan Stesyen Minyak Shell
Tarikh: 7 Disember 2013

Gambar 4.18
Kerja Pembinaan Terbengkalai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Sg. Petani - Alor Setar,
Berhadapan Ibu Pejabat Polis Daerah
Kuala Muda
Tarikh: 7 Disember 2013

Pada pendapat Audit, perancangan kerja dalam pengurusan perolehan Majlis adalah tidak memuaskan. Perancangan yang teliti perlulah seiring dengan keperluan semasa agar tujuan projek dilaksanakan tercapai dan kemudahan yang disediakan boleh dinikmati penduduk setempat. Setiap perancangan projek pembangunan hendaklah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah bagi mengelak pertindihan pelaksanaan projek.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) adalah disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

4.5.1. Merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan supaya tindakan memecah kecilkan perolehan tidak berlaku. Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap mana-mana pegawai yang terbukti telah memecah kecilkan perolehan.

4.5.2. Memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja yang dilaksanakan kontraktor bagi memastikan spesifikasi serta penyiapan kerja adalah dipatuhi dan berkualiti agar Kerajaan tidak menanggung kos penyenggaraan yang tidak sepatutnya. Selain itu, Majlis hendaklah memastikan kerja membaikpulih kerosakan bagi perolehan kerja atau projek yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dibuat dengan segera.

4.5.3. Memastikan perolehan dirancang dengan teliti supaya aset yang diperolehi dapat digunakan secara optimum dan matlamat perolehan tercapai.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu terus memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

25 Januari 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my